PP

lwn.

RUNGIT SINGH JASWANT SINGH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ABDUL HAMID EMBONG H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-9-98]
6 OKTOBER 1998

KETERANGAN: *Keterangan sokongan - Kesalahan seksual - Keterangan sokongan yang diperlukan di dalam kesalahan seksual - Keterangan di dalam kes seksual - Samada perlu disokong oleh keterangan bebas - Prinsip yang dipakai oleh mahkamah - Samada mahkamah perlukan pemerhatian yang cermat dan berhati-hati terhadap keterangan seseorang mangsa di dalam kes seksual*

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwaan - Diakhir kes pendakwaan - Beban pembuktian - Tahap pembuktian - Tahap pembuktian dalam kes prima facie - Tahap pembuktian kes tanpa apa-apa keraguan munasabah - Samada terdapat perbezaan tahap pembuktian di antara kes prima facie dan kes tanpa apa-apa keraguan munasabah*

Rungit Singh Jaswant Singh ('OKT') menghadapi tiga pertuduhan termasuk dua pertuduhan alternatif, iaitu menggunakan kekerasan jenayah terhadap EY ('SP1') yang merupakan saksi pertama pihak pendakwa dengan tujuan hendak menjatuhkan maruah EY, melakukan perbuatan lucah yang melampau dan melakukan perbuatan yang melampau, yang mana kesemuanya boleh dihukum di bawah ss. 354 dan s. 377D Kanun Kesiksaan ('Kanun tersebut'). Isu-isu yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah adalah samada pihak pendakwa pada peringkat penutup kes pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT dan samada keterangan SP1 mestilah disokong oleh keterangan sokongan bebas dalam kes seksual.

Diputuskan:

[1] Di bawah s. 354 Kanun tersebut, isu keizinan amat genting bagi memutuskan kesalahan di bawah seksyen tersebut memandangkan sekiranya kejadian-kejadian itu telah berlaku dengan kerelaan orang yang menuduh, maka unsur kesalahan dibawah seksyen tersebut sendiri jelas tidak terbukti dan oleh yang demikian, kes *prima facie* terhadap orang tertuduh juga tidak terbukti. Ini adalah berbeza dengan kesalahan di bawah s. 377D Kanun tersebut memandangkan kesalahan di bawah s. 377D tidak pula memerlukan unsur kerelaan.

[2] Pada peringkat penutup kes pendakwa, mahkamah telah membuat inferens bahawa kejadian-kejadian tersebut telah berlaku atas inferens bahawa SP1 telah merelakannya. Berdasarkan kepada inferens tersebut, mahkamah memutuskan bahawa kedua-dua pertuduhan di bawah s. 354 Kanun tersebut tidak terbukti dan pihak pendakwa gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dan dengan itu pembelaan terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak wajar dipanggil. Namun begitu, walaupun mahkamah menolak keterangan SP1 yang kejadian-kejadian tersebut berlaku tanpa kerelaannya, mahkamah tidak menolak keseluruhan keterangan SP1. Mahkamah bersetuju bahawa ada perbezaan tahap pembuktian di antara kes *prima facie* dengan kes tanpa apa-apa keraguan munasabah seperti yang telah dikemukakan di dalam kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP,* dan bagi pertuduhan-pertuduhan di bawah s. 377D Kanun tersebut, pihak pendakwa berjaya untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT.

[3] Undang-undang tidak memerlukan keterangan seseorang pengadu di dalam kes seksual untuk disokong oleh keterangan bebas. Pada kebiasaannya, prinsip yang di pakai di dalam kes-kes seperti ini ialah mahkamah perlu berhati-hati di dalam penerimaan keterangan seseorang pengadu di dalam kes seksual yang tidak disokong oleh keterangan bebas dan perlu mengingatkan diri bahawa adalah amat berbahaya bagi seseorang tertuduh disabitkan berdasarkan keterangan tanpa apa-apa 'corroboration'. Walaupun keadaan ini merupakan satu amalan sahaja, mahkamah sedar bahawa adalah amat perlu pemerhatian yang cermat dan berhati-hati dibuat terhadap keterangan seseorang mangsa di dalam kes seksual dan kemungkinan yang sering timbul bagi seseorang mangsa di dalam kes seksual untuk menokok tambah ceritanya.

[4] Setelah mendengar keseluruhan keterangan berdasarkan fakta kes dan prinsip undang-undang yang mantap, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwa gagal untuk membuktikan pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT di tahap pembuktian yang melebihi keraguan munasabah.

[OKT dibebaskan daripada kesemua pertuduhan terhadapnya.]

Kes yang dirujuk:

Ah Mee v. PP [1967] 1 MLJ 220 ***(dirujuk)***

Alan Redpath [1962] 319 ***(dirujuk)***

Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 ***(diikuti)***

Balwant Singh v. PP [1960] 26 MLJ 264 ***(dirujuk)***

Din v. PP [1964] 30 MLJ 301 ***(dirujuk)***

John Benjamin Cadawanaltharayil v. PP [1995] 3 SLR 805 ***(dirujuk)***

Khoo Kwoon Hain v. PP [1995] 2 SLR 769 ***(dirujuk)***

Koh Eng Soon v. Rex [1950] 16 MLJ 52 ***(dirujuk)***

Lt Kol Yusof v. Kol Anuar Mohd Amin & Anor [1997] 2 CLJ 752 ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 29 MLJ 263 ***(dirujuk)***
Mohamed Yatin Abu Bakar v. PP [1950] 16 MLJ 57 ***(dirujuk)***
Mohd Ali v. PP [1962] 28 MLJ 231 ***(dirujuk)***
Nadarasa v. PP [1972] 2 MLJ 47 ***(dirujuk)***
Ng Huat v. PP [1995] 2 SLR 783 ***(dirujuk)***
Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 39 ***(dirujuk)***
PP v. Chin Yoke [1940] MLJ R 37 ***(dirujuk)***
PP v. Emran Nasir [1987] 1 MLJ 166 ***(dirujuk)***
PP v. Lim Ah Bek [1989] 2 CLJ 1090 ***(dirujuk)***
PP v. Mardai [1950] 16 MLJ 33 ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 113, 180, 182A
Evidence Act 1950, ss. 56, 57, 157
Federal Constitution, art. 145
Penal Code, ss. 350, 354, 377D

Bagi pihak tertuduh - Karpal Singh; M/s Karpal Singh & Co
Gurbachan Singh; M/s Bachan & Kartar
Christopher Fernando; M/s Aris Rizal, Christopher Fernando & Co
Jagdeep Singh Deo; M/s Karpal Singh & Co
Bagi pihak Peguam Negara - Yusuf Zainal Abidin (Yaakob Sam bersamanya)

Dilaporkan oleh Farah Naim

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Embong H:

Hakim Mahkamah Sesyen I, Butterworth, Rungit Singh a/l Jaswant Singh, telah dihadapkan dengan tiga pertuduhan (pindaan – lihat eks. P11) seperti berikut:

Pertuduhan Pertama Pindaan

Bahawa kamu pada 30 Disember 1997 di antara jam lebih kurang 2.45 petang hingga 3.30 petang di dalam kereta ABL 11, semasa dalam perjalanan dari Bulatan Prai ke arah Jalan Seberang Jaya, dalam Daerah Seberang Prai Tengah dalam Negeri Pulau Pinang, telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap E.Y. dengan tujuan hendak menjatuhkan maruahnya dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan.

Pertuduhan Pilihan Kepada Pertuduhan Pertama Pindaan

Bahawa kamu pada 30 Disember 1997 diantara jam lebih kurang 2.45 petang hingga 3.30 petang di dalam kereta ABL 11, semasa dalam perjalanan dari Bulatan Perai ke arah Jalan Seberang Jaya, dalam Daerah Seberang Perai Tengah dalam Negeri Pulau Pinang, telah melakukan perbuatan kelucahan melampau terhadap E.Y. dengan menghisap kemaluannya dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 377D Kanun Kesiksaan.

Pertuduhan Kedua Pindaan

Bahawa kamu pada 30 Disember 1997 di antara jam 3.30 petang hingga 4.58 petang di rumah No. 5 Leboh Nakhoda, Taman Ratna, Telok Air Tawar, Butterworth dalam Daerah Seberang Prai Utara, dalam Negeri Pulau Pinang, telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap E.Y. dengan tujuan hendak menjatuhkan maruahnya dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan.

Pertuduhan Pilihan Kepada Pertuduhan Kedua Pindaan

Bahawa kamu pada 30 Disember 1997 di antara jam 3.30 petang hingga 4.58 petang di rumah No. 5 Leboh Nakhoda, Taman Ratna, Teluk Air Tawar, Butterworth dalam Daerah Seberang Prai Utara, dalam Negeri Pulau Pinang, telah melakukan perbuatan melampau terhadap E.Y. dengan menghisap kemaluannya dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 377D Kanun Kesiksaan.

Pertuduhan Ketiga Pindaan

Bahawa kamu pada 14 Januari 1998 di antara jam 4 petang hingga 4.32 petang di dalam kamar hakim Mahkamah Sesyen 1, Butterworth, dalam daerah Seberang Prai Utama, dalam Negeri Pulau Pinang, telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap E.Y. dengan tujuan hendak menjatuhkan maruahnya dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan.

Fakta Kes

SP1 ialah pengadu dalam kes ini. Beliau ialah majistret yang bertugas di Mahkamah Majistret Butterworth 1 dan 2 mulai 1 September 1996. Mahkamah SP1 terletak di tingkat 3 di dalam Bangunan Mahkamah-Mahkamah Rendah, Butterworth. Selain daripada SP1, terdapat dua orang lagi majistret di Butterworth. Dalam Bangunan Mahkamah Rendah itu, terdapat dua orang hakim Mahkamah Sesyen. Mereka ialah tertuduh (OKT) dan mahkamah serta kamarnya terletak di tingkat 4, bangunan tersebut dan Hakim Sesyen 2 iaitu SP2, Encik Tarmizi b. Abdul Rahman. Kamar SP2 terletak bersebelahan kamar SP1 di tingkat 3.

Pada 30 Disember 1997, OKT telah menerima jemputan daripada Majistret Jawi bersama-sama dengan pegawai-pegawai lain di Butterworth untuk menghadiri satu jamuan perpisahan dua orang kakitangan Mahkamah Majistret Jawi. Pada pukul 11.30 pagi hingga 12 tengahari, OKT bersama-sama SP1 dan seorang lagi majistret iaitu Puan Zaharah telah berlepas daripada Mahkamah Butterworth untuk pergi menghadiri jamuan perpisahan di Mahkamah Majistret Jawi tersebut. Selepas jamuan, mereka bertiga telah bertolak ke Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, di mana OKT telah menjalankan urusan rasminya selaku ketua jabatan yang meliputi pengawasan Mahkamah Majistret Bukit Mertajam antara pukul 2.30 hingga 3.45 petang. Setelah OKT selesai menjalankan urusan rasminya di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, OKT dan SP1 telah bertolak untuk pulang ke Mahkamah Butterworth. Majistret Puan Zaharah telah ditinggalkan di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam untuk melaksanakan urusan rasmi beliau selaku "Circuit Magistrate" di sana. OKT dan SP1 bertolak dari Mahkamah Majistret Bukit Mertajam dengan menaiki kereta OKT yang sama iaitu ABL 11 yang dipandu oleh OKT. SP1 duduk di kerusi penumpang hadapan sebelah kerusi pemandu. Mengikut keterangan SP1, apabila kereta mereka melepasi Chai Leng Park, OKT dengan tiba-tiba telah meletakkan tangannya di celah kelangkang SP1. OKT telah menggerak-gerakkan tangan kirinya yang diletakkan di celah kelangkang SP1, dengan berkata "just relax, nothing will happen, I just want to put my hand there". SP1 telah cuba menolak tangan OKT, dan dia dapati bahawa tangan OKT agak keras iaitu enggan ditolak. Sejurus kemudian, OKT telah memberhentikan kereta yang dipandunya dan menyuruh SP1 memandu kereta tersebut. SP1 telah keluar dari pintu penumpang hadapan. Mengikut keterangan SP1, di waktu itu beliau berasa amat bosan dengan tingkah laku OKT dan tidak dapat memikirkan apa-apa lagi selain daripada rasa hendak membunuh OKT. Itulah perasaan SP1 apabila OKT meletakkan tangannya di kelangkang SP1. Setelah SP1 keluar daripada kereta dia telah berdiri di sebelah kereta tersebut. OKT kemudiannya telah keluar daripada kereta dan menghampiri SP1 sambil berkata "you come and take over the wheel". OKT telah memujuk SP1 secara meletakkan tangan beliau di bahu SP1 dan terus memimpin SP1 supaya masuk ke tempat pemandu. Dia telah bercakap dengan SP1 dengan lembut dan halus. SP1 kemudiannya telah masuk dan duduk di tempat pemandu. OKT pula telah masuk dan mengambil tempat duduk di hadapan, sebelah pemandu. SP1 seterusnya telah memandu kereta tersebut menghala ke satu bulatan. Apabila tiba di bulatan tersebut, OKT telah menyuruh SP1 mengambil pusingan bulatan itu. SP1 juga berkata dalam keterangannya, bahawa pada masa itu dia mempunyai fikiran yang kelam kabut dan merasa hendak membalas dendam terhadap OKT. Dia juga berkata bahawa dia tidak tahu ke hala mana jalan yang diambil olehnya. Akan tetapi dia sedar bahawa jalan itu boleh membawa mereka balik ke Mahkamah Butterworth. SP1 telah mengikut permintaan OKT

untuk mengambil bulatan tersebut dan berpusing serta berpatah balik ke jalan asal. Di sebelah kiri bulatan itu terdapat sebuah Balai Polis. Apabila telah berpusing di bulatan tersebut, OKT telah nampak sebuah motorvan polis di hadapan kereta yang dipandunya dengan jarak lebih kurang tiga biji kereta. Dalam keadaan itu, OKT masih terus meletakkan tangannya ke atas peha SP1 dan berkata secara memujuk-mujuk "don't worry, nothing will happen". OKT masih terus bercakap-cakap dengan SP1 dan meminta SP1 supaya memandu kereta ke rumah OKT. Menurut keterangan SP1 lagi, dia telah berkata kepada OKT "please Tuan, don't treat me like this".

Walau bagaimanapun, OKT, mengikut keterangan SP1, tidak pernah mengalah dan masih terus bercakap dengan SP1 dengan nada yang lembut dan tidak pernah marah kepada SP1. OKT terus mengarahkan SP1 agar memandu kereta tersebut ke rumahnya dan tidak balik ke Mahkamah Butterworth. Mengikut kata SP1, arahan itu telah dibuat dengan nada authoriti sebagai seorang hakim Mahkamah Sesyen. SP1 menyatakan bahawa dia tidak menyedari hala tujuan yang sedang dituju olehnya dan hanya mengikut arahan OKT sahaja. Setelah memberi arahan "drive to the house", OKT telah turun melutut ke bahagian lantai di hadapan kerusi yang didudukinya. OKT masih memujuk-mujuk dan tangan beliau masih bergerak, meraba-raba. SP1 menyatakan bahawa dia telah cuba menepis tangan OKT. Dia juga berkata bahawa dia sedar apa tujuan OKT duduk di bahagian lantai secara melutut. Kemudiannya OKT telah membuka tali pinggang SP1 dan menarik turun zip seluarnya serta membuka pengancing seluar SP1. Kemudian OKT telah menarik seluar dalam SP1 sehingga terlondeh sedikit. OKT telah melakukan perbuatan ini dengan menggunakan kedua-dua tangannya. SP1 masih lagi, pada masa itu, memandu kereta tersebut. Mengikut keterangan SP1, telah berlaku suatu pergelutan antara mereka pada masa itu, walaupun tangan kanan SP1 masih terletak di bahagian steering kereta yang sedang dipandu olehnya. Kemudian OKT telah meletakkan kepalanya di bahagian celah peha SP1 dan memasukkan kemaluan SP1 ke dalam mulutnya. Dia telah menghisap kemaluan SP1. SP1 telah bertindak secara menolak dahi OKT serta berkata dengan marah "banyak kereta atas jalan". Apabila diperiksabalas oleh Encik Karpal Singh, SP1 menyatakan pada masa itu kemaluannya tidak tegang atau keras. Selepas itu, OKT telah, mengikut cerita SP1, "came back to his senses", dan telah bangun serta duduk semula ke atas kerusi sambil menyisip rambutnya. Keadaan antara mereka pada masa itu, kata SP1, ialah satu keadaan yang tegang. SP1 telah terus memandu kereta tersebut dan membetulkan pakaiannya.

OKT kemudiannya, telah menyuruh SP1 untuk terus memandu. Selepas itu, SP1 telah terus memandu kereta tersebut ke rumah OKT. Apabila diperiksabalas oleh peguam tentang hal ini, SP1 menyatakan bahawa dia tidak memandu ke rumah OKT secara sukarela, akan tetapi telah bertindak di bawah

ugutan (duress). Dia juga berkata, dia telah didorong oleh kemarahannya untuk pergi ke rumah OKT. Dia sedang memikirkan cara melepaskan perasaan marahnya itu.

Setiba di rumah OKT, SP1 berkata dia telah meletakkan kereta yang dipandunya di luar pagar rumah tersebut. Dia keluar dari kereta tersebut dan berdiri sejurus di situ. Kemudian OKT telah menjemput dan mendesaknya masuk ke rumah. SP1 telah berbuat demikian. Di dalam kawasan rumah pada masa itu ada seorang lelaki Cina kontraktor yang sedang membuat kerja-kerja simen di bahagian hadapan rumah. SP1 telah berbual-bual sejurus dengan lelaki Cina tersebut. OKT telah menghampiri dan mengajak SP1 masuk ke rumahnya. Pada masa itu ada seorang gadis India iaitu pembantu rumah OKT, yang sedang berdiri di hadapan muka pintu rumah. OKT telah bercakap seketika dengan pembantu rumahnya dan kemudiannya menjemput SP1 masuk ke rumah. OKT seterusnya mempelawa SP1 untuk melihat sekitar dalam rumahnya. SP1 telah mengikut OKT. OKT telah menunjukkan kepada SP1 bahagian-bahagian dalam rumahnya, iaitu bahagian bawah dan kemudian telah menjemput SP1 melihat bahagian atas rumah. SP1 pada mulanya telah menolak jemputan itu akan tetapi setelah dijamin oleh OKT dengan kata-kata "it will not happen again", SP1 telah bersetuju dan mengikut OKT naik ke rumah. Mengikut keterangan SP1 lagi, dia telah dipimpin oleh OKT naik ke bahagian atas dengan cara OKT meletak tangannya di belakang SP1. Di bahagian atas rumah, OKT telah menunjukkan kepada SP1 bilik anak-anaknya dan juga bilik tidurnya yang terletak di sebelah kanan tangga menuju ke atas. Semasa SP1 berdiri di hadapan pintu bilik OKT, OKT telah menolak SP1 ke dalam bilik dengan kuat. Di dalam bilik tersebut, SP1 mendakwa, telah berlaku satu pergelutan di mana dia telah dikandang oleh OKT sehingga tersekat ke dinding sebelah bilik air di bilik tidur OKT. OKT telah berhadapan dengan SP1 dan satu lagi pergelutan telah berlaku. Kemudian, OKT telah melutut di hadapan SP1 dan telah sekali lagi memegang kemaluan SP1 serta memasukkan kemaluannya ke dalam mulutnya. Menurut keterangan SP1 dalam pemeriksaan utamanya, OKT, pada masa itu, telah berbunyi seperti lembu. Dalam kejadian itu, SP1 hanya berdiam diri, dan berdiri kaku. Kejadian itu berlaku hanya sekejap saja; hanya beberapa saat. Menurut SP1, semasa OKT sedang menghisap kemaluannya, beliau telah menolak OKT dan terus masuk ke bilik air dan mengunci pintu. OKT telah bercakap-cakap, meminta SP1 keluar dari bilik air dan SP1 pula menjawab bahawa dia mahu balik. SP1 tidak menjerit pada masa itu. SP1 kemudiannya telah membasuh badannya dan mencuci air liur OKT serta menyikat rambut dan membetulkan pakaiannya. Kemudian SP1 telah keluar dari bilik air dan turun tangga ke bahagian bawah. OKT telah meminta SP1 menunggu sekejap dan mempelawanya untuk minum dahulu. SP1 telah meminum sedikit whisky dan selepas minum telah meminta botol whisky daripada OKT. Tujuan SP1 meminta botol whisky tersebut, mengikut

keterangannya, ialah untuk mendapatkan bukti tentang kejadian itu. SP1 telah memberitahu OKT yang ia mahu balik. OKT telah pergi ke keretanya dan menghidupkan enjin kereta. SP1 telah masuk ke kereta sambil memegang botol whisky. OKT kemudiannya telah menghantar SP1 balik ke bangunan mahkamah di Butterworth. Setiba di mahkamah, SP1 terus ke keretanya dan memandu pulang, selepas mengetip kad perakam waktunya.

Pada malam itu, setelah isteri SP1 pulang ke rumah, SP1 telah menceritakan apa yang berlaku pada hari itu. Pada keesokan harinya, SP1 telah tidak pergi kerja. Dia telah mengambil cuti sakit selama lima hari dan dalam masa itu, OKT telah menelefonnya dan memberi jaminan bahawa apa yang berlaku tidak akan berulang lagi. SP1 penuh yakin dengan jaminan yang dikatakan telah diberikan kepadanya secara bersungguh-sungguh. SP1 telah balik bekerja pada 6 Januari 1998.

Mengikut cerita SP1 lagi, pada 7 Januari 1998, OKT telah datang berjumpa dengan SP1 dan telah meminta untuk memegang tangan SP1. Seterusnya pada hari sama, OKT telah menelefon SP1 dan mendesak SP1 supaya datang berjumpa dengannya pada pukul 4 petang di kamar OKT. SP1 telah menolak permintaan itu. Dalam percakapan telefon itu, OKT telah menyatakan perasaan cintanya kepada SP1 dengan kata-kata "You must come, I'll not take no for an answer. What I feel is love, nothing bad can go from this love". Pada pukul 3 petang, OKT telah memanggil SP1 melalui telefon atas urusan rasmi, iaitu untuk berbincang tentang alasan penghakiman SP1 yang tertunggak. SP1 telah naik untuk berjumpa dengannya pada pukul 4 petang. Di dalam kamar OKT, SP1 telah dijemput oleh SP1 untuk duduk dan OKT telah mengunci pintu kamarnya. Kemudian OKT telah menutup lampu biliknya dan hanya meninggalkan satu lampu yang malap menyala. Seterusnya, OKT telah datang kepada SP1 dan mengungkap kata-kata "I have tasted you. You are part of me already. Don't deny me this joy". SP1 telah meminta OKT supaya dia tidak meneruskan dengan niatnya. OKT pula berkata "It is just an extension of your body, just like your finger. It is only love, it is not wrong". SP1 mengatakan kepadanya "this is crazy!", dan SP1 terus lari, dengan OKT mengikutnya dengan pantas. OKT kemudian memeluk SP1 dari belakang semasa SP1 hampir ke pintu keluar. SP1 berkata kepada OKT "ini bulan puasa". OKT terus memeluk SP1 dan mencium tengkuknya. SP1 hanya kaku, dan berdiri keras semasa itu. Apabila OKT cuba meletakkan tangannya ke dubur SP1, SP1 telah membuka pintu dan terus keluar.

Pada 8 Januari 1998, OKT telah menyuruh SP1 datang ke kamarnya di sebelah petang, tetapi SP1 telah pulang awal pada hari itu. Pada keesokannya, setelah ditanya oleh OKT, SP1 memberi alasan bahawa dia letih untuk datang ke kamarnya. Pada 10 Januari 1998, OKT telah datang ke kamar SP1 dan

bertandang di sana. Dia telah cuba memegang tangan SP1 dan menyuruh SP1 datang ke kamarnya selepas kakitangan pejabat sudah pulang. SP1 tidak pergi ke kamar OKT pada hari itu.

Pada 12 Januari 1998, OKT telah melaporkan kejadian-kejadian yang berlaku pada 30 Disember 1997 dan 7 Januari 1998 kepada hakim Mahkamah Sesyen 2, iaitu Tarmizi b. Abd. Rahman (SP2). SP2 telah menasihatkan SP1 agar jangan lagi pergi ke kamar OKT. SP1 juga memaklumkan SP2 bahawa dia (SP1) akan membawa anak dan isterinya ke pejabat pada petang itu oleh kerana dia tidak tahu apakah yang akan berlaku pada hari itu. SP1 telah pulang ke rumahnya dan membawa anak dan isterinya ke mahkamah. OKT telah menelefon SP1 pada hari itu. SP1 menyatakan bahawa bapanya telah menghantar anak dan isterinya dan meminta dia (SP1) membawa mereka pulang. OKT menerima alasan itu dan meminta SP1 supaya datang berjumpa dengannya hari lain. Pada 13 Januari 1998, OKT sekali lagi telah menelefon SP1 dan meminta SP1 datang berjumpanya pada hari itu tanpa apa-apa alasan. SP1 telah melaporkan apa yang dinyatakan oleh OKT kepada SP2. SP2 telah menasihatkan SP1 supaya balik saja dan jangan tunggu.

Insiden yang berlaku antara 7 Januari 1998 hingga 13 Januari 1998 telah diambilkira oleh mahkamah ini sebagai relevan dan berkaitan dengan apa yang berlaku pada 14 Januari 1998. Walaupun peristiwa-peristiwa tersebut bukan subjek kepada apa-apa pentuduhan terhadap OKT, mahkamah berpendapat bahawa ia ada kaitan yang langsung kepada kejadian pada 14 Januari 1998, yang membawa kepada pertuduhan ketiga terhadap OKT. Oleh itu, mahkamah tidak bersetuju dengan permohonan Encik Karpal Singh, semasa beliau berhujah, agar mahkamah menghapuskan dari nota keterangan insiden-insiden tersebut.

Kejadian 14 Januari 1998 (Pertuduhan Ke-3)

Mengikut keterangan SP1 lagi, pada 14 Januari 1998, OKT telah datang ke kamar SP1 di tingkat 3, sebanyak dua kali. Pertama kalinya pada sebelah pagi dan kali kedua pada jam lebih kurang 3 petang. Pada sebelah petangnya, OKT telah meninggalkan kamar SP1 pada pukul 3.45 petang, setelah ia menerima satu panggilan telefon dan terpaksa pulang ke kamarnya. Sebelum meninggalkan SP1, OKT telah menyatakan dia akan datang lagi pada pukul 4 petang dan ingin menunggu di kamar SP1 sehingga 4.15 petang supaya mereka berdua boleh naik bersama-sama ke kamar OKT selepas waktu pejabat tamat. SP1 telah memutuskan untuk lari, setelah beliau tidak dapat berjumpa dengan SP2, untuk memberitahu apa yang berlaku, oleh kerana SP2 pada masa itu sedang bersidang dalam mahkamah. SP1, seterusnya, telah turun dari kamarnya di tingkat 3, ke tempat letak kereta melalui tangga. SP1 telah masuk ke keretanya dan menghidupkan engin. Sebelum SP1 dapat berlepas dari tempat

letak kereta, OKT muncul dan telah datang kepadanya dan SP1 keluar dari keretanya. OKT meletakkan tangannya ke atas bahu SP1 dan mengajaknya naik ke tingkat 4 melalui tangga. Walaupun SP1 menolak beberapa kali, akhirnya dia ikut OKT naik ke atas. Apabila tiba di tingkat 4, mereka telah melalui bilik jurubahasa sebelum masuk ke kamar OKT. Jurubahasa, Encik Ganeson berada di biliknya pada ketika itu. Jam pada masa itu lebih kurang 4 hingga 4.05 petang. Setelah masuk ke kamar, OKT telah menerima dan menjawab panggilan telefon dan berbual-bual sehingga tamat waktu pejabat. Setelah habis perbualannya dalam telefon, OKT telah mengambil beberapa buku jernal MLJ dan menyusun untuk menyendal pintu bilik air dari tertutup. Pintu bilik air ini akan tertutup secara otomatik jika tidak disendal. Kemudian OKT telah mengeluarkan satu lampu meja yang berbentuk sphera dan meletakkannya ke atas mejanya dan memasang lampu meja tersebut. OKT kemudiannya telah memadamkan lampu utama kamar beliau. Kemudian dia telah mara kepada SP1. SP1 mengundur dan berjalan mengelilingi meja teh yang terletak di tengah kamar tersebut. OKT berkata "you just relax, nothing will happen." SP1 membantah dengan kata-kata "This is sacred and profane. Your love is crazy, crazy love!" sambil berundur. Kemudian OKT telah menangkap SP1 dari belakang dan mula memegang badan SP1. OKT kemudian meruntun SP1 sehingga badan SP1 berpusing berhadapan dengan OKT. OKT, sambil berkata-kata memujuk "you just relax", telah menarik zip seluar SP1 dan membuka tali pinggangnya sehingga seluar SP1 terlondeh sedikit. Pada masa itu SP1 telah hilang kawalan terhadap perasaan marahnya dan telah menolak OKT sehingga OKT terjatuh dan belakang OKT terkena meja teh. Semasa kejadian ini berlaku, SP1 berada di dalam keadaan terduduk di atas sofa dalam kamar OKT. Setelah OKT jatuh, SP1 bangun dari sofa tersebut dan menjerit kepada OKT dengan kata-kata "You want to get into a fight with me, is it?" OKT telah bangun terketar-ketar dan menyuruh SP1 bertenang. SP1 pula berkata kepada OKT "You pandai, you kata relax, nothing will happen, tapi you ambil kesempatan untuk memuaskan nafsu, tangan jalan sana sini." SP1 ada bertanya OKT samada OKT mahu bercakap dengan bapa SP1 mengenai perkara itu. OKT masih memujuk-mujuk SP1 dengan kata-kata "Come on E ..., please E ..." ('E ...' merujuk kepada nama SP1, yang mana ada perintah mahkamah sebelum ini, agar tidak diumumkan dan yang mahkamah ini anggap masih berkuatkuasa). SP1 berkata kepada OKT yang dia hendak balik dan terus lari keluar dari kamar OKT.

SP1 berkata dia rasa kecewa, marah dan sedih terhadap apa yang telah berlaku. Badannya berpeluh-peluh dan dia juga dalam keadaan menggeletar. Setelah turun daripada tangga tingkat 4, SP1 terus menuju ke kamar SP2 dan dia telah masuk ke kamar itu untuk berjumpa SP2. SP2 sedang berada di dalam kamar dan SP1 terus berkata kepada SP2 dengan kata-kata "Tuan lihatlah, dia buat lagi". SP2 yang mengesahkan keadaan SP1 yang sedang berpeluh-peluh dan

menggeletar, telah memberi isyarat kepada seorang kakitangan pejabat iaitu Encik Yaakob Abdul Rahman, Penghantar Saman, supaya keluar dari kamarnya. SP1 telah menyatakan kepada SP2 bahawa dia sudah tidak tahan lagi dan telah menolak OKT. SP2 terkejut dengan keadaan SP1 dan menyuruh dia bertenang serta duduk. Kemudian SP1 telah menceritakan kepada SP2 tentang kejadian yang baru saja berlaku di kamar OKT. SP2 menasihatkan SP1 supaya balik cepat-cepat dan sembahyang kerana hari itu adalah dalam bulan puasa.

Pada sebelah petang, hari sama, jam hampir 7 malam, SP1 telah pergi ke rumah SP2 bersama-sama dengan suami pendaftar mahkamah dengan tujuan untuk mendapatkan nasihat daripada SP2. SP1 telah menanyakan kepada SP2 samada perkara itu patut diberitahu kepada orang-orang tua di Butterworth dan juga kepada bapanya. SP2 telah menasihatkan SP1 agar dia tidak berbuat demikian oleh kerana kejadian itu adalah dahsyat dan jika mereka diberitahu, dia (SP2) bimbang orang akan mencari OKT. SP2 menyatakan di dalam keterangannya bahawa dia tidak mahu apa-apa berlaku kepada OKT. SP1 akur dengan pandangan SP2. Dia pun balik setelah dinasihatkan oleh SP2 supaya bersabar dan supaya bersama-sama berfikir mencari jalan untuk menyelesaikan masalah itu.

Pada 16 Januari 1998, SP1 telah memaklumkan kepada bapanya tentang kejadian yang telah berlaku. Pada pukul 9.50 malam, SP1 bersama-sama isteri dan bapanya telah pergi ke rumah SP2 sekali lagi untuk membincangkan masalah itu. Tiada keputusan yang dibuat mengenai cara mana untuk mengatasi masalah itu, walaupun ada dibincangkan agar perkara itu perlu dirujuk kepada hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, iaitu Yang Arif Dato' Abdul Hamid Mohamad. SP1 juga menyatakan bahawa kesilapan boleh dilakukan oleh sesiapa.

Pada 19 Januari 1998, SP2 telah memberitahu Pendaftar Mahkamah Butterworth, Puan Ereeta, tentang masalah tersebut.

Pada 21 Januari 1998, SP2 telah meminta pendapat pendaftarnya samada patut satu mesyuarat tidak rasmi diadakan untuk membincangkan perkara yang telah berlaku itu. Pada 22 Januari 1998, semua pegawai-pegawai di Mahkamah Butterworth termasuk SP1, melainkan OKT, telah mengadakan satu mesyuarat tidak rasmi. Di dalam mesyuarat itu, SP1 telah menceritakan segalanya yang telah berlaku, tetapi tiada keputusan dibuat tentang bagaimana untuk mengatasi masalah itu.

Pada 24 Januari 1998, satu lagi pertemuan pegawai-pegawai diadakan di dalam kamar SP2. Dalam mesyuarat itu telah dipersetujui agar kejadian itu tidak dihebohkan dan ia haruslah diselesaikan dengan cara berhati-hati. Pegawai-pegawai termasuk SP1 juga telah bersetuju bahawa kejadian itu dibawa kepada

pengetahuan Yang Arif hakim, Dato' Abdul Hamid Mohamad, dan dipersetujui supaya SP2 membawa perkara itu ke makluman Yang Arif hakim.

Pada 23 Februari 1998 selepas Hari Raya, barulah SP2 berkesempatan untuk membawa masalah ini ke pengetahuan Yang Arif hakim Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang. Pada hari tersebut SP2 telah pergi berjumpa dengan Yang Arif hakim, setelah diberitahu oleh Timbalan Pendaftar bahawa Yang Arif hakim senang selepas pukul 3 petang. SP2 telah pergi sendiri ke kamar Yang Arif hakim dan SP1 juga pergi secara berasingan. Dalam pertemuannya dengan Yang Arif hakim, SP1 telah menceritakan segala apa yang berlaku seperti yang telah diceritakan kepada SP2, iaitu kejadian-kejadian antaranya dengan OKT pada 30 Disember 1997, 7 Januari 1998 dan 14 Januari 1998. SP1 juga telah memaklumkan Yang Arif hakim bahawa dia tidak ingin mengheboh-hebohkan perkara ini. Oleh sebab itu, apabila dicadangkan oleh Yang Arif hakim agar kes ini di laporkan kepada polis, SP1 telah tidak bersetuju berbuat demikian. Yang Arif hakim kemudiannya telah mengarahkan SP1 untuk menulis surat aduan secara rasmi kepadanya. SP1 telah berbuat demikian dan surat aduan itu telah dimajukan kepada Yang Arif hakim dan satu salinan telah diserahkan kepada SP2. Salinan yang dihantar kepada Yang Arif hakim, menjadi asas penyiasatan polis terhadap OKT dan telah dikemukakan oleh pegawai penyiasat kes ini, iaitu ASP Wan Ahmad (SP8) sebagai esbt. P2. Esbt. P2 telah diserahkan kepada Yang Arif hakim lebih kurang seminggu setelah SP1 menyediakannya.

Mengikut keterangan SP8, dia telah menerima P2 daripada pegawai atasannya pada 13 Mac 1998. Setelah dikaji kandungan P2, SP8, pada hari sama, telah membuat laporan polis yang dikemukakan sebagai P35. Susulan laporan polis tersebut, OKT telah ditangkap oleh SP7 iaitu DSP Ahmad Razil pada 14 Mac 1998 di rumah OKT. OKT telah ditahan untuk tujuan penyiasatan polis dan pada 23 Mac 1998 OKT telah membuat percakapan beramaran di bawah s. 113 KAJ kepada ASP Lee Siew Kee. Percakapan beramaran tersebut mengandungi dua bahagian yang dibuat pada dua masa berasingan dan telah dikemukakan oleh pihak pembelaan sebagai esbt. D39.

Di dalam keterangannya, SP1 juga menyatakan bahawa OKT telah bersikap sangat baik terhadapnya sejak dia mula bertugas di Mahkamah Majistret Butterworth pada 1 September 1996. Di dalam sebulan atau dua saja sejak SP1 bertugas di Butterworth, OKT pernah meluahkan kata-kata "I have a crush on you" kepadanya, di beberapa tempat di persekitaran bangunan mahkamah. OKT juga pernah mengajak SP1 pergi berjogging atau berenang. Pada satu petang, ada satu kejadian di mana SP1 telah mengikut OKT di dalam kereta OKT, mengambil anak-anak OKT daripada kelas muzik dan di dalam kereta tersebut telah berlaku kejadian di mana OKT dikatakan telah meletakkan tangannya di bahagian kemaluan SP1. Pada keesokan kejadian tersebut, OKT

telah memanggil SP1 dan bertanyakan kepada SP1 dengan kata-kata "Do you realise that as you were leaving yesterday, my hand slightly brushed over your crotch?". SP1 mendakwa bahawa kejadian-kejadian itu semuanya berlaku pada antara bulan September 1996 sehingga September 1997. SP1 juga telah mendakwa bahawa berlakunya kejadian-kejadian lain, umpamanya pada suatu hari, OKT telah berjumpa dengan SP1 di tangga bangunan mahkamah dan di situ mengungkapkan kata-kata "Oh! my sunshine" kepada SP1 dan telah memegang perut SP1. SP1 juga telah menghuraikan satu kejadian lagi pada 1 September 1997 di Kuantan, Pahang. Di situ setelah SP1 dan OKT tiba di lapangan terbang Kuantan, mereka telah terpaksa menaiki teksi untuk pergi ke hotel di Cherating di mana satu Persidangan Pegawai-pegawai Kehakiman Mahkamah Rendah diadakan. Di dalam teksi tersebut, SP1 mendakwa bahawa OKT telah meramas tangan SP1 dengan penuh perasaan. SP1 bertindak dengan mengetuk tangan OKT.

Di bawah pemeriksaan balas, SP1 telah menyatakan bahawa semasa beliau menuntut di UIA, dia telah mempunyai masalah dengan penyalahgunaan dadah cannabis dan telah digantung oleh pihak universiti selama enam bulan. Beliau seterusnya telah menjalani proses pemulihan selama enam bulan dan selepas itu meneruskan pelajarannya.

Berkenaan dengan kejadian di dalam kereta pada 30 Disember 1997, SP1 mengesahkan bahawa dia tidak mengalami ketegangan atau kekerasan kemaluannya apabila kejadian menghisap kemaluannya itu berlaku. SP1 juga berkata OKT telah duduk melutut di hadapan kerusi sebelah kerusi pemandu dan telah menarik tali pinggang dan zip seluarnya. SP1 telah merayu agar OKT jangan meneruskan dengan niatnya, akan tetapi OKT terus menarik turun seluar SP1 dan selepas itu telah berjaya menghisap kemaluan SP1. Selepas kejadian itu, SP1 menyatakan dia telah menerus memandu kereta dan membetulkan pakaiannya dengan kedua-dua tangannya secara satu persatu. SP1 menafikan cadangan Encik Karpal Singh bahawa kejadian itu tidak mungkin berlaku di dalam kereta di dalam keadaan yang ada pada masa itu.

Di peringkat ini pihak pembelaan telah membuat permohonan untuk mahkamah melawat rumah OKT serta keretanya dan juga bangunan mahkamah di Butterworth. Pada 5 Ogos 1998, mahkamah telah membuat lawatan yang diminta oleh pihak pembelaan, dan di rumah OKT, satu demonstrasi telah dipohon oleh pihak pembelaan untuk menunjukkan kedudukan OKT yang dikatakan telah melutut di bahagian lantai di hadapan kerusi di dalam kereta dan ini telah dibenarkan oleh mahkamah. OKT telah diminta untuk duduk di dalam keadaan itu dan setelah beberapa kali dilakukan olehnya, OKT telah tidak berjaya untuk berbuat demikian. OKT ialah seorang yang berbadan tinggi lampai (6' 2"). Mahkamah juga telah membuat tinjauan dan pemerhatian

terhadap rumah OKT, terutamanya, bahagian tingkat atas dan bilik tidur utama OKT di mana dikatakan telah berlaku kejadian kedua pada 30 Disember 1997. Pada hari yang sama, mahkamah juga telah melawat dan membuat pemerhatian terhadap bangunan Mahkamah Butterworth dan telah pergi melawat kamar-kamar OKT, SP1, SP2 dan bahagian tempat letak kereta serta tangga yang digunakan oleh pegawai-pegawai untuk naik ke kamar mereka. Pemerhatian terperinci mahkamah ada dicatatkan di dalam nota keterangan.

Semasa mahkamah menyambung persidangannya pada 6 Ogos 1998, pihak pendakwa telah membuat permohonan agar satu demonstrasi yang lain dijalankan untuk menunjukkan bahawa seseorang yang sama tinggi dengan OKT boleh duduk melutut di lantai di hadapan kerusi penumpang hadapan di dalam kereta. Mahkamah telah membenarkan permohonan ini dan sebuah kereta yang sama modelnya dengan kereta OKT telah digunakan untuk tujuan demonstrasi tersebut yang telah dijalankan di perkarangan mahkamah dalam kehadiran semua pihak yang ada kaitan. Demonstrasi itu telah dilakukan oleh seorang Melayu yang ketinggiannya sama dengan ketinggian OKT, akan tetapi berbadan agak lebih gempal sedikit daripada OKT. Lelaki Melayu itu telah diarahkan oleh mahkamah untuk duduk secara melutut di lantai seperti mana yang telah didakwa oleh SP1 berlaku pada 30 Disember 1997, di dalam kereta OKT. Lelaki Melayu tersebut telah berjaya berbuat demikian dengan melutut dalam keadaan yang dinyatakan oleh SP1 iaitu secara melipat kedua-dua kakinya di bahagian belakang badannya. Dalam keadaan itu lelaki Melayu itu juga berjaya meletakkan kepalanya antara kedua-dua peha pemandu. (TPR, Encik Mohd. Yusuf mengambil peranan sebagai pemandu). Selepas itu, atas permohonan peguam, OKT sekali lagi telah mencuba duduk dalam keadaan yang sama, akan tetapi telah gagal berbuat sedemikian. Demonstrasi yang telah dibenarkan oleh mahkamah pada 5 Ogos 1998 dan 6 Ogos 1998 adalah hanya untuk menentukan samada seseorang yang berbadan dan ketinggian seperti OKT dan juga OKT sendiri berjaya duduk atau tidak dalam keadaan yang telah diterangkan oleh SP1, di lantai hadapan di dalam keretanya. Tiada demonstrasi telah dijalankan terhadap samada zip seluar SP1 boleh dibuka dan seterusnya seluar dalamnya boleh dilondehkan dalam keadaan di mana SP1 sedang memandu kereta dan dalam keadaan di mana, seperti yang dinyatakan oleh SP1, dia telah bergelut dengan OKT dan menolak OKT daripada melakukan perbuatan itu. Hal ini telah dipohon oleh Encik Karpal Singh di peringkat pembelaan agar mahkamah membenarkan satu lagi demonstrasi dijalankan untuk menentukan samada perbuatan ini boleh dilakukan di dalam keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, mahkamah telah menolak permohonan ini dan menyatakan bahawa perkara ini boleh dibiarkan untuk imaginasi seseorang. Lagipun mahkamah berpendapat bahawa demonstrasi seperti yang dipohon oleh peguam itu perlu dilakukan oleh kedua-dua SP1 dan OKT sendiri dan di tempat

serta dalam keadaan yang sama seperti dalam insiden pada 30 Disember 1997. Ini boleh menimbulkan satu keadaan yang berbahaya jika dijalankan semasa kereta dipandu oleh SP1 sendiri dan dalam keadaan berlakunya pergelutan.

Semasa pemeriksaan balas oleh peguam Encik Gurbachan Singh, SP1 menafikan bahawa dia telah dipelawa oleh OKT untuk memandu dan menguji kereta OKT pada 19 Januari 1997. SP1 juga menafikan bahawa dia tidak bercakap-cakap dengan kontraktor Cina yang bekerja di rumah OKT sebelum dia masuk ke rumah OKT. Peguam telah mengatakan kepada SP1 bahawa kejadian ini berlaku apabila SP1 keluar daripada rumah dan bukan sebelumnya. SP1 juga telah menafikan bahawa setelah masuk ke rumah OKT, dia telah meminum dua peg whiskey sebelum naik ke bahagian atas. SP1 juga tidak bersetuju dengan cadangan peguam bahawa dia hendak menggunakan tandas dan OKT membawa SP1 ke atas rumah untuk tujuan itu. SP1 juga tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh peguam yang dia telah naik ke atas dan turun balik ke bahagian bawah rumah dalam keadaan yang normal. SP1 juga menafikan bahawa botol whisky yang dibawa balik olehnya sebenarnya telah dihadiahkan oleh OKT kepadanya. Di dalam pemeriksaan utama SP1, dia telah menyatakan bahawa dia telah meminta botol whisky tersebut daripada OKT untuk tujuan mendapatkan satu bukti yang jelas terhadap kejadian yang berlaku di rumah OKT pada 30 Disember 1997. Namun begitu SP1 tidak dapat menjawab cadangan peguam yang dia boleh menyerahkan seluar dalamnya yang mengandungi air liur OKT untuk ujian DNA walaupun SP1 sendiri sedar bahawa ujian itu boleh dilakukan. SP1 telah bersetuju dengan cadangan peguam bahawa OKT ada menyuruh dia menyiapkan alasan-alasan penghakiman. Walau bagaimanapun SP1 telah tidak bersetuju bahawa antara 7 Januari 1998 sehingga 12 Januari 1998 OKT telah menelefonnya sekali atau dua kali sahaja untuk meminta dia menyiapkan alasan penghakimannya. SP1 juga menafikan bahawa dia telah pergi berjumpa dengan OKT pada 14 Januari 1998 setelah OKT menyediakan satu senarai tunggakan alasan-alasan penghakimannya (SP1) iaitu esbt. D3. SP1 juga menafikan yang di kamar OKT, pada hari itu, dia telah ditunjukkan oleh OKT senarai tersebut. SP1 menyatakan bahawa pada 14 Januari 1998, tidak ada langsung perbincangan berkenaan dengan alasan-alasan penghakiman SP1 yang tertunggak seperti yang disenaraikan di dalam esbt. D3. Walau bagaimanapun SP1 bersetuju bahawa di dalam kamar OKT pada 14 Januari 1998, OKT telah memberikan kepadanya dua salinan alasan penghakiman OKT sendiri. SP1 juga menafikan bahawa OKT telah meminta agar dia (SP1) menyiapkan satu alasan penghakimannya setiap hari. SP1 juga menafikan bahawa dia telah mengungkap kata-kata “I cannot take the pressure” kepada OKT. SP1 juga menafikan bahawa dia telah melulu keluar daripada kamar OKT pada petang 14 Januari 1998 itu dan menghempas pintu kamar OKT.

Di dalam pemeriksaan semula SP1 oleh TPR bijaksana, dia telah menyatakan bahawa pada 30 Disember 1997, dia telah disuruh oleh OKT untuk memandu keretanya. SP1 juga menyatakan bahawa selepas kejadian di dalam kereta, dia hanya terus memandu mengikut arahan OKT. Dia bersetuju dengan cadangan TPR bahawa dia boleh menolak permintaan OKT itu, tetapi telah tidak berbuat demikian oleh kerana pada masa itu dia sedang berfikir untuk memandu ke balai polis. SP1 juga menyatakan bahawa dia boleh, jika dia mahu, menarik perhatian van polis yang berada di hadapan kereta yang dipandunya, tetapi dia tidak mahu berbuat demikian dalam keadaan yang ada pada masa itu. SP1 juga menyatakan bahawa OKT tidak pernah menyatakan kepadanya semasa dalam perjalanan bahawa OKT hendak balik ke rumahnya dahulu untuk berjumpa dengan kontraktor Cina yang sedang membuat kerja simen di bahagian luar rumahnya. SP1 juga menyatakan bahawa perhubungannya dengan OKT adalah baik dan tidak pernah menimbulkan masalah. Dia juga menyatakan bahawa OKT sangat menyayanginya.

SP2, iaitu hakim Mahkamah Sesyen 2, Butterworth, Encik Tarmizi bin Abdul Rahman, di dalam keterangannya telah mengesahkan bahawa SP1 ada berjumpa dengannya pada 12 Januari 1998 dan menceritakan kepadanya tentang kejadian yang berlaku pada 30 Disember 1997. SP2 juga menyatakan bahawa pada 13 Januari 1998, SP1 berjumpa dengan OKT pada petang itu. SP2 telah menasihatkan SP1 supaya cuba mengelak daripada berjumpa dengan OKT dan balik cepat selepas waktu pejabat. SP2 juga memberi keterangan bahawa pada 14 Januari 1998 jam lebih kurang 4.20 petang, SP1 telah masuk ke kamarnya secara menerpa di dalam keadaan menggigil dan berpeluh seolah-olah dalam keadaan yang cemas. Kemudian SP1 telah menceritakan kepada SP2 tentang apa yang baru saja berlaku di dalam kamar OKT pada petang itu. SP2 juga menyatakan bahawa SP1 memberitahunya yang dia telah menolak OKT di dalam kamarnya sehingga OKT jatuh dan terkena kepada meja teh yang berada di dalam kamar OKT. SP2 telah menceritakan kejadian-kejadian ini kepada pendaftar mahkamah, iaitu Puan Ereeta pada 19 Januari 1998 untuk mendapat pandangan Puan Ereeta. SP2 telah mengadakan dua pertemuan dengan pegawai-pegawai di mahkamah Butterworth untuk menyatakan masalah yang timbul, dan telah dipersetujui agar masalah itu dibawa ke pengetahuan YA hakim Dato' Abd. Hamid. Pada 23 Febuari 1998, SP2 telah menyatakan masalah itu kepada YA hakim di dalam pertemuannya dengan YA hakim bersama-sama SP1. SP2 juga menyatakan bahawa di dalam pertemuan itu SP1 telah menyatakan dia tidak ingin melaporkan kejadian itu kepada polis walaupun telah dinasihatkan oleh YA hakim untuk berbuat demikian. YA hakim kemudiannya telah mengarah SP1 membuat satu laporan secara rasmi kepadanya. Pada 2 Mac 1998, YA hakim telah menelefon SP2 dan menyatakan bahawa dia telah menerima laporan daripada SP1 dan meminta SP2 menulis surat rasmi kepadanya berkaitan dengan kejadian tersebut dan meminta SP2 supaya mendapatkan satu salinan laporan SP1 tersebut (P2).

SP3 ialah Cik Kanimal iaitu Jurubahasa kepada mahkamah SP1. Dia menyatakan bahawa pada 7 Febuari 1998 OKT telah memanggilnya ke kamar OKT untuk memberi penjelasan berkenaan dengan laporan harian bagi Mahkamah Majistret 2 iaitu mahkamah di bawah bidang kuasa SP1. Setelah dia balik ke pejabatnya, SP1 telah menanyakan kepadanya kenapa dia dipanggil oleh OKT dan SP3 telah memberitahu SP1 bahawa OKT menanyakan tentang laporan hariannya. Selepas itu SP1 telah menceritakan kepadanya dan seorang lagi Jurubahasa iaitu Puan Leelavathi tentang kejadian-kejadian yang telah berlaku pada 30 Disember 1997 di dalam kereta OKT dan juga di rumah OKT. Pada satu hari (tarikh tidak ingat), SP3 berada di kamar SP1 dan dia telah mendengar SP1 berbual dengan OKT melalui telefon. Dengan tiba-tiba SP1 telah meninggikan suaranya dan mengungkap kata-kata berikut – "Anything official regarding work, you call me, unnecessary, you don't call me". Kemudian SP1 telah memberi gagang telefon kepada SP3 dan SP3 telah mendengar suara OKT di dalam telefon serta kata-kata yang diungkap oleh OKT iaitu "Why you avoid me, E..., E...". Selepas itu SP3 telah memberitahu SP1 apa yang telah didengar olehnya di dalam telefon tadi. SP1 di dalam keterangan awalnya telah menafikan bahawa SP3 telah memberitahu kepadanya apa yang SP3 dengar dan juga menyatakan dengan tegas bahawa dia (SP1) tidak pernah soal kepada SP3 apa yang SP3 telah dengar di dalam telefon.

SP4 ialah Puan Ereeta, Pendaftar bagi Mahkamah Butterworth. Beliau dipanggil untuk mengemukakan beberapa dokumen seperti penyata bulanan SP1 bagi Januari 1998 bagi Mahkamah Mejistret 2 yang ditanda esbt. D13A dan juga penyata bulanan Februari 1998 SP1 bagi Mahkamah 1 dan Mahkamah 2 ditanda sebagai esbt. D29A dan juga laporan alasan penghakiman bagi Mahkamah Majistret 1 & 2 (yang dikendalikan oleh SP1) bagi bulan Januari 1998 yang ditanda sebagai esbt. D30. Mengikut D30, tidak ada dicatat bahawa SP1 mempunyai apa-apa alasan penghakiman yang tertunggak. SP4 juga menyatakan bahawa Majistret Puan Zaharah dikehendaki menjalani tugas-tugas circuit di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam setiap hari Selasa dan Khamis. SP4 juga telah mengemukakan penyata bagi mahkamah SP1 bagi tempoh Ogos hingga Disember 97 yang ditanda sebagai esbt. P32A–E, yang juga menunjukkan bahawa SP1 tidak mempunyai apa-apa alasan yang tertunggak. P32, seperti biasa telah dihantar kepada Ketua Pendaftar dan juga Hakim Besar Malaya dan OKT telah menandatanganinya sebagai Ketua Jabatan di Mahkamah Butterworth.

SP8 iaitu pegawai penyiasat bagi kes ini dan juga merupakan orang yang membuat laporan polis terhadap siasatan kes ini. Dia mengesahkan bahawa SP1 tidak membuat sebarang laporan polis. Dia juga mengesahkan bahawa OKT telah memberikan percakapan beramaran iaitu D39 akan tetapi dia telah tidak menyiasat kandungan D39 tersebut.

Kes Prima Facie

Di hujung kes pendakwa, peguam-peguam terpelajar OKT telah berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan satu kes *prima facie* terhadap OKT. Peguam telah merujuk kepada kes *Lt. Kol. Yusof v. Kol. Anuar b. Mohd. Amin & Anor* [1997] 2 CLJ 752; [1997] 1 MLJ 562 dan menyatakan bahawa Mahkamah Rayuan, dalam kes itu, telah memutuskan yang diperingkat ini mahkamah perlu menilai kes pendakwa di tahap pembuktian tanpa apa-apa keraguan munasabah. Peguam terpelajar juga berhujah bahawa SP1 ialah seorang saksi yang tidak boleh dipercayai dan mahkamah seharusnya menolak keterangan beliau. Peguam berhujah bahawa apa yang dikatakan oleh SP1 telah berlaku di dalam kereta OKT pada 30 Disember 1997, adalah satu kejadian mustahil, dan tidak boleh dipercayai, dan oleh kerana kejadian-kejadian yang lain yang menjadi asas pertuduhan terhadap OKT ada hubungkait rapat dengan kejadian pertama ini, maka mahkamah hendaklah menolak keseluruhan keterangan SP1 sebagai keterangan seorang saksi yang tidak boleh dipercayai. Dalam kata lain, mengikut peguam terpelajar, kredibiliti SP1 adalah amat genting dalam kes ini dan kredibilitinya itu meresapi semua pertuduhan yang didakwa olehnya telah dilakukan oleh OKT. Oleh itu jika mahkamah menolak keterangannya mengenai kejadian yang berlaku di dalam kereta OKT pada 30 Disember 1997, mahkamah juga perlu menolak keseluruhan keterangannya sebagai satu keterangan yang tidak boleh dipercayai.

TPR bijaksana pula berhujah bahawa beban yang dimaksudkan bagi pembuktian sesuatu kes *prima facie* di bawah s. 180 KAJ bukanlah di tahap pembuktian yang melampaui keraguan munasabah. TPR telah merujuk kepada kes *PP v. Chin Yoke* [1940] MLJ R 37. TPR juga berhujah bahawa mahkamah, di dalam membuat penilaian terhadap keterangan saksi-saksi pendakwa di tahap ini, boleh menolak sebahagian keterangan yang diragui dan menerima bahagian-bahagian lain. Mahkamah, kata beliau, tidak perlu menerima kesemua keterangan mengikut nilai mukanya. TPR berhujah bahawa SP1 ialah seorang saksi yang boleh dipercayai dan SP1 telah berterus terang terhadap penglibatannya dengan dadah semasa di universiti, yang dia seorang peminum arak dan juga mempunyai tunggakan alasan-alasan penghakiman. Pengakuan-pengakuan ini menunjukkan bahawa SP1 ialah seorang saksi yang jujur.

Seterusnya peguam terpelajar juga berhujah bahawa mahkamah perlu melihat samada keterangan SP1 telah disokong oleh keterangan sokongan yang bebas (corroboration). Kata peguam, corroboration, hendaklah, mengikut prinsip yang telah ditetapkan di dalam kes *Mohd. Ali v. Public Prosecutor* [1962] 28 MLJ 231. Peguam terpelajar juga berhujah bahawa sesuatu aduan bagi kes seksual seperti ini hendaklah dibuat dengan secepat mungkin – atas peluang munasabah pertama. Dalam kes ini pihak pendakwa telah gagal menunjukkan yang SP1

telah membuat aduan tersebut walaupun peluang-peluang telah terbuka kepadanya. SP1, kata peguam, ialah seorang yang terpelajar dan tahu cara hendak membuat aduan kepada polis. Juga pihak pendakwa telah gagal memanggil isteri, SP1 yang dikatakan oleh SP1 telah menerima aduan pertama terhadap kejadian pada 30 Disember 1997 sebagai saksi untuk memberi keterangan sokongan bebas terhadap cerita SP1. Oleh itu, ini telah meninggalkan lompong di dalam kes pendakwaan. SP1 juga gagal mengemukakan botol whiskey yang dikatakan olehnya diambil sebagai satu bukti terhadap kejadian di rumah OKT pada 30 Disember 1997. Seterusnya, peguam terpelajar mengkritik pihak polis terhadap penyiasatan di dalam kes ini dan mengatakan bahawa penyiasatan adalah tidak bermutu dan tidak memuaskan. Tambah lagi, penyiasatan polis telah dijalankan dengan gopoh-gapah dan mengakibatkan dalam pendakwaan yang memilih terhadap OKT. Peguam juga berhujah bahawa percakapan beramaran OKT (D39) juga tidak disiasat. Oleh itu penyiasatan adalah cacat dan tidak lengkap dan OKT harus dibebaskan terus (*Public Prosecutor v. Lim Ah Bek* [1989] 2 CLJ 1090).

TPR terpelajar pula telah menjawab bahawa mahkamah tidak perlu menumpukan perhatiannya terhadap sesuatu penyiasatan yang tidak memuaskan akan tetapi hanya terhadap keterangan yang telah dikemukakan di dalam perbicaraan. TPR terpelajar berkata tiada keterangan yang telah ditindas. Pihak pendakwa telah menimbangkan segala keterangan dan kenyataan hasil daripada penyiasatan untuk menjalankan pendakwaan ini. TPR juga menyatakan bahawa D39 merupakan satu penafian yang kosong yang tidak perlu disiasat. TPR juga berhujah bahawa Pendakwa Raya mempunyai budi bicara untuk mendakwa sesiapa saja di bawah Perkara 145 Perlembagaan.

Mahkamah bersetuju dengan hujah TPR atas isu ini dan tidak nampak apa-apa kepincangan terhadap penyiasatan dan pendakwaan kes ini terhadap OKT. Berkenaan dengan keterangan sokongan (corroboration), mahkamah berpendapat bahawa keterangan yang dikemukakan oleh SP1 memadai bagi mahkamah memanggil OKT membela dirinya terhadap pertuduhan-pertuduhan alternatif pertama dan kedua. Walau bagaimanapun mahkamah telah tidak dapat menerima keterangan SP1 terhadap kejadian yang dikatakan telah berlaku di dalam kereta pada 30 Disember 1997 dan ditegaskan oleh SP1 telah berlaku tanpa kerelaannya. Mahkamah berpendapat bahawa tidak mungkin kejadian itu boleh berlaku dalam keadaan di mana SP1 telah bergelut dengan OKT dan menolak kemaraan OKT untuk melakukan perbuatan di dalam kereta itu.

Setelah mahkamah membuat penilaian terhadap keseluruhan keterangan SP1 dan mengambilkira keadaan sekeliling serta tingkah laku SP1 apabila pada masa kejadian pada 30 Disember 1997 itu berlaku, mahkamah memutuskan bahawa unsur kerelaan atau consent oleh SP1 terhadap kejadian-kejadian pada hari tersebut boleh terus diputuskan oleh kerana soal ini jelas daripada keterangan-keterangan yang timbul di peringkat kes pendakwa.

Di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan (KK), jika mahkamah meragui bahawa kejadian-kejadian ini berlaku tanpa kerelaan SP1, maka unsur kesalahan di bawah s. 354 itu sendiri jelas tidak terbukti. Mahkamah mengambil kira beberapa faktor penting di dalam memutuskan bahawa tidak mungkin kejadian-kejadian pada 30 Disember 1997 boleh berlaku tanpa kerelaan SP1 sendiri. Ini boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Zip seluar SP1 tidak boleh dibuka jika SP1 melawan.

2. Seluar dan seluar dalam SP1 tidak boleh dilondehkan tanpa kerjasama SP1 dan kerelaannya.

3. SP1 sedang memandu kereta OKT apabila kejadian pertama berlaku dan jika benar dia membantah terhadap perbuatan OKT itu, SP1 boleh, dengan senangnya memberhentikan kereta yang dipandunya dan keluar dari kereta.

4. Jika sebenarnya berlaku satu pergelutan di dalam kereta ketika kejadian tersebut berlaku, ini sudah tentu akan membahayakan kedua-dua SP1 dan OKT jika SP1 terus memandu di jalanraya tersebut.

5. Walaupun SP1 dalam keadaan marah amat sangat terhadap OKT, SP1 terus mengikut OKT ke rumahnya.

6. SP1 berkelakuan seperti tetamu biasa di dalam rumah OKT dan telah minum dua peg whisky di situ.

8. Selepas kejadian berlaku di rumah OKT, SP1 telah keluar dari rumah seperti biasa dan menumpang kereta OKT untuk balik ke mahkamah Butterworth. Walaupun beliau berkata dia dalam keadaan yang amat marah pada masa itu, SP1 telah tidak lari dari rumah itu ataupun balik sendiri menaiki kenderaan awam, akan tetapi tetap mengikut OKT di dalam keretanya.

Mahkamah berpendapat bahawa keadaan-keadaan ini serta kelakuan SP1 sendiri adalah bertentangan dengan keterangannya yang mengatakan dia telah melawan OKT apabila OKT melakukan perbuatan-perbuatan seperti yang dikatakan oleh SP1 terhadapnya di dalam kereta dan juga di rumah OKT.

Kesimpulan yang boleh dibuat pada peringkat penutup kes pendakwa ialah bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan bahawa kejadian-kejadian tersebut pada 30 Disember 1997 telah berlaku tanpa kerelaan SP1. Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa kedua-dua pertuduhan pertama di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan telah tidak terbukti dan pembelaan terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak wajar dipanggil.

Namun begitu, walaupun mahkamah telah menolak keterangan SP1 yang kejadian-kejadian tersebut berlaku tanpa kerelaannya, mahkamah tidak menolak keseluruhan keterangan SP1 dan telah membuat inferens bahawa kejadian-kejadian tersebut telah berlaku atas inferens bahawa SP1 telah merelakannya. Oleh itu daripada fakta-fakta yang mahkamah berpuas hati telah terbukti di peringkat kes *prima facie*, OKT telah dipanggil untuk membela dirinya terhadap kedua-dua pertuduhan alternatif pertama dan kedua, iaitu kesalahan-kesalahan di bawah s. 377D Kanun Kesiksaan. Mahkamah bersetuju dengan pihak pendakwa bahawa ada perbezaan di antara kes *prima facie* dengan kes tanpa apa-apa keraguan munasabah. Di dalam kes *Arulpragasan v. Public Prosecutor* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 MLJ 1, Edgar Joseph J, HMP, telah menyatakan perbezaan ini, dengan kata-kata berikut:

> It is wrong in law to equate a mere '*prima facie* case' with a 'beyond reasonable doubt case'

Seterusnya Yang Arif hakim tersebut telah membincangkan perbezaan tahap pembuktian di peringkat kes *prima facie* dan pembuktian tanpa keraguan munasabah dengan menyatakan seperti berikut:

> Take a case where the prosecution's evidence points to two likely inferences, one consistent with guilt, the other with innocence. In such a situation, if the standard of proof is that of a mere '*prima facie* case', in other words 'a *prima facie* supposition that the accused may be guilty', then the trial ought to proceed and the defence would have to be called. (See *Karam Singh v. PP* [1967] 2 MLJ 25 (at p 30, per Ong Hock Thye FJ).
>
> If, on the other hand, the standard of proof is 'beyond all reasonable doubt', then in the situation just mentioned, the prosecution will have failed to satisfy the test, and the accused would have to be acquitted and discharged without his defence being called.
>
> Another example which helps to further illustrate the point that there is a fundamental difference between applying a mere *'prima facie'* standard of proof and the 'beyond reasonable doubt' standard of proof, at the intermediate stage of the trial, would be where, at the conclusion of the prosecution's case, there is strong prosecution evidence but there remains a reasonable tenable doubt. In such a situation, if the standard of proof is a mere '*prima facie* case', in other words, a mere *prima facie* supposition that the accused may be guilty, then also the trial must proceed, and the defence would have to be called. On the other hand, if the standard of proof is 'beyond all reasonable doubt', then, in the situation just mentioned, the prosecution will have failed to satisfy the test, and the accused would have to be acquitted and discharged without his defence being called.
>
> Furthermore, if the onus on the prosecution at the close of its case, is to establish a 'mere *prima facie* case', the test to be applied is a minimal evaluation of the prosecution's evidence to ensure that it is not inherently incredible (see *Haw Tua Tau v. PP*).

Dengan hormatnya, saya fikir keputusan kes *Lt. Kol. Yusof* yang dirujuk oleh peguam OKT telah menyimpang daripada pendapat Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arulpragasan* dan mahkamah ini tidak perlu mematuhi keputusan Mahkamah Rayuan tersebut.

Kesalahan di bawah s. 377D Kanun Kesiksaan pula tidak memerlukan unsur kerelaan, berbeza dengan kesalahan di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan (kes *Ng Huat v. Public Prosecutor* [1995] 2 SLR 783). Hakikat ini diterima oleh Encik Karpal Singh, bagi pihak OKT. Dengan berpandukan prinsip dalam kata-kata Edgar Joseph J, HMP, yang dipetik di atas, dan berlandaskan inferens bahawa kejadian menghisap kemaluan yang dikatakan SP1 berlaku di dalam kereta dan di rumah OKT pada 30 Disember 1997, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah mengutarakan keterangan yang cukup bagi sesuatu kes *prima facie* terhadap OKT di bawah s. 377D tersebut. Mahkamah juga berpendapat bahawa pada peringkat ini mahkamah tidak perlu menguji kredibiliti SP1 secara membuat penilaian terperinci terhadap keterangannya untuk menentukan samada SP1 ialah seorang saksi yang boleh dipercayai ataupun tidak. Oleh itu mahkamah telah menangguh isu penilaian keterangan SP1 dari segi percanggahan-percanggahan yang dikatakan oleh Encik Gurbachan Singh di dalam hujah beliau telah berlaku, samada setelah dinilaikan keterangan SP1 tersendiri ataupun secara penilaian keterangannya dengan keterangan-keterangan saksi-saksi lain. Encik Gurbachan Singh telah menghuraikan percanggahan-percanggahan keterangan SP1 tersebut dengan cara mengemukakan satu senarai yang mengandungi insiden percanggahan tersebut.

Berkenaan dengan isu 'corroboration', mahkamah juga berpendapat bahawa soal ini tidak perlu dipertimbangkan di peringkat penghujung kes pendakwa oleh kerana mahkamah telah berpuashati dengan keterangan SP1 secara tersendiri dan keterangan tersebut didapati memadai untuk mengemukakan kes *prima facie* terhadap OKT yang perlu disangkal oleh keterangan pembelaan. Undang-undang tidak memerlukan keterangan seseorang pengadu di dalam kes seksual seperti ini untuk disokong oleh keterangan bebas. Prinsip yang dipakai oleh mahkamah bagi kes seksual seperti ini ialah bahawa mahkamah perlu berhati-hati di dalam penerimaan keterangan seseorang pengadu di dalam kes seksual yang tidak disokong oleh keterangan bebas dan mengingatkan diri bahawa adalah amat berbahaya bagi seseorang tertuduh disabitkan berdasarkan hanya keterangan dirinya sahaja tanpa apa-apa 'corroboration'. Walaupun keadaan ini merupakan satu amalan sahaja, mahkamah sedar bahawa adalah amat perlu pemerhatian yang cermat dan berhati-hati dibuat terhadap keterangan seseorang mangsa di dalam kes seksual seperti keterangan SP1 dan kemungkinan yang sering timbul bagi seseorang mangsa di dalam kes seksual untuk menokok tambah ceritanya. (Sila lihat kes *Din v. Public Prosecutor* [1964] 30 MLJ 301).

Justeru, atas isu corroboration ini, mahkamah memutuskan bahawa pada peringkat ini, mahkamah tidak perlu menimbangkan samada keterangan SP1 memerlukan keterangan sokongan yang bebas. Mahkamah mendapati bahawa kejadian-kejadian yang telah dihuraikan oleh SP1 pada 30 Disember 1997 telah membangkitkan satu kes *prima facie* terhadap OKT di bawah pertuduhan alternatif pertama dan kedua. Oleh itu, isu corroboration boleh ditangguh sehingga mahkamah mendengar pembelaan OKT dan dipertimbangkan di peringkat penghujung kes.

Berkenaan dengan kejadian di kamar OKT pada 14 Januari 1998, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan yang cukup di peringkat kes *prima facie* untuk memanggil OKT membela dirinya terhadap tuduhan ketiga di bawah s. 354 KK. Pada 14 Januari 1998 keadaan telah berubah. SP1 telah melaporkan kejadian-kejadian yang berlaku sebelum daripada tarikh itu kepada pegawai atasannya iaitu Encik Tarmizi, SP2. SP2 pula telah menasihatkan SP1 untuk tidak melayani panggilan OKT dan untuk menjauhkan diri daripada OKT. Walaupun mahkamah mendapati bahawa fakta menunjukkan SP1 telah mengikut OKT naik ke kamar OKT daripada tempat letak kereta pada petang 14 Januari 1998 tersebut, mahkamah telah menimbangkan apa yang berlaku di dalam kamar sebagai fakta-fakta berasingan yang boleh diambilkira dalam pembuktian kes *prima facie* terhadap OKT di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan. Fakta menunjukkan bahawa SP1 telah menolak kemaraan OKT sehingga terjatuh ke meja teh di dalam kamar OKT. SP1 juga telah memberanikan diri dan mengatakan bahawa dia sanggup berlawan dengan OKT pada masa itu. SP1 telah berjaya melepaskan diri daripada kemaraan OKT dan telah meninggalkan kamar OKT dalam keadaan yang sedih dan marah. SP1 seterusnya telah bergegas pergi ke kamar SP2 untuk melaporkan kejadian pada petang itu. SP2 telah melihat SP1 di dalam keadaan yang menggigil dan berpeluh-peluh.

Dalam pandangan mahkamah, apa yang dilihat oleh SP2 ini merupakan satu keterangan yang menyokong keterangan SP1 terhadap apa yang baru saja berlaku di dalam kamar OKT. Mahkamah juga menimbangkan keterangan jurubahasa Kanimal (SP3) yang telah, sebelum kejadian itu, mendengar percakapan OKT melalui telefon. SP3 juga menyatakan bahawa SP1, semasa bercakap melalui telefon dengan OKT, telah menaikkan suaranya dan ini menunjukkan bahawa SP1 dalam keadaan yang marah. SP1 tidak mungkin berkelakuan tersebut terhadap OKT, seorang Ketua Jabatan yang dihormati oleh SP1, jika tidak kerana perasaan marah dan kesengsaraan yang dialami olehnya. Keadaan SP1 ini boleh diterima oleh mahkamah sebagai satu keterangan sokongan bebas yang diperlukan untuk penentuan samada unsur kesalahan di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan terbukti atau tidak di peringkat penutup kes pendakwa.

Berlatar belakangkan fakta-fakta ini mahkamah telah memutuskan bahawa kejadian yang berlaku di dalam kamar OKT pada 14 Januari 1998 telah menunjukkan bahawa ia berlaku tanpa kerelaan SP1 dan setelah mahkamah menimbangkan segala fakta-fakta mengikut keterangan yang diberikan oleh pihak pendakwa, mahkamah memutuskan bahawa kes *prima facie* di bawah pertuduhan ketiga terhadap OKT telah terbukti dan OKT dipanggil untuk membela dirinya terhadap pertuduhan ini.

Pembelaan

Secara ringkas, OKT telah menafikan segala kejadian-kejadian yang didakwa oleh SP1 telah berlaku pada 30 Disember 1997 itu dan juga pada 14 Januari 1998 di dalam kamar OKT. OKT menyatakan bahawa perhubungannya dengan SP1 adalah baik dan seperti biasa, iaitu perhubungan antara seorang pegawai dengan Ketua Jabatannya. OKT tidak dapat memberi sebab kenapa SP1 telah melemparkan tohmahan-tohmahan ini terhadapnya. OKT menyatakan bahawa kemungkinan SP1 berasa tertekan akibat desakan OKT terhadap SP1 untuk menyediakan alasan-alasan penghakiman SP1 yang tertunggak sejak September 1997.

Pada 30 Disember 1997, mengikut keterangan OKT, dia telah pergi bersama-sama SP1 dan Majistret Puan Zaharah untuk menghadiri satu perjumpaan di Mahkamah Majistret Jawi. Pada asalnya dua orang lagi pegawai lain daripada Butterworth iaitu Tengku Amir dan Pendaftar Puan Ereeta sepatutnya ikut bersama dalam kereta OKT. Akan tetapi Tengku Amir telah menyatakan bahawa pada hari tersebut beliau sibuk dengan kes-kesnya dan tidak dapat ikut ke Mahkamah Majistret Jawi. Puan Ereeta pula jatuh sakit pada hari itu dan tidak dapat ikut bersama. Setelah jamuan tamat di Mahkamah Majistret Jawi, OKT telah pergi ke Mahkamah Majistret Bukit Mertajam bersama-sama SP1 dan Puan Zaharah yang menumpang keretanya. Tujuan beliau membawa SP1 ke Mahkamah Majistret Bukit Mertajam ialah supaya SP1 dapat mengendalikan masalah berkenaan ruang perpustakaan di sana dan pemindahan buku-buku dari Mahkamah Majistret Bukit Mertajam ke Mahkamah Butterworth. Hal ini disahkan oleh minit mesyuarat antara pegawai-pegawai di Mahkamah Pulau Pinang (D40) dan OKT menyatakan bahawa pada 20 Disember 1997 dia telah menerima arahan daripada Hakim Sesyen Kanan Pulau Pinang untuk pergi ke Mahkamah Majistret Bukit Mertajam dan menyiasat berkenaan masalah perpustakaan di sana. Majistret Mahkamah Bukit Mentajam (SD2) juga telah mengesahkan bahawa kehadiran SP1 pada hari itu adalah untuk melihat masalah ini. Keterangan menunjukkan bahawa SP1 juga ditugaskan sebagai pegawai yang mengendalikan perpustakaan di Mahkamah Butterworth. Selepas lawatan rasmi OKT dan SP1 ke Bukit Mertajam, tindakan telah diambil untuk memindahkan beberapa buku daripada Bukit Mertajam ke Butterworth. Ini

disahkan oleh surat SD2 kepada SP1 melalui esbt. P16 yang menunjukkan bahawa tindakan pemindahan buku-buku telah dibuat selepas lawatan OKT ke Bukit Mertajam itu.

Selepas lawatan ke Mahkamah Majistret Bukit Mertajam berakhir antara 3.45 ke 4 petang, OKT dan SP1 telah beredar dari situ menaiki kereta OKT. Majistret Puan Zaharah tidak ikut sama kerana tugas rasminya belum selesai. Dalam perjalanan balik, mereka telah berbual-bual dalam keadaan biasa. Antara perbualan ialah berkenaan hasrat SP1 untuk membeli sebuah rumah di kawasan perumahan di Taman Perda. Apabila mereka melepasi Taman Perda tersebut, SP1 telah menyatakan bahawa dia ada niat untuk membeli sebuah rumah di situ, akan tetapi dia tidak mampu. OKT telah menasihati SP1 untuk menguruskan hal-hal kewangan peribadi SP1 secara perlahan-lahan – selangkah demi selangkah. OKT juga mencadangkan kepada SP1 supaya dia mungkin boleh 'upgrade' keretanya dahulu memandangkan bahawa SP1 baru saja masuk bekerja di dalam perkhidmatan Kerajaan. Pada masa itu SP1 telah memegang 'dashboard' kereta OKT dan menyatakan bahawa kereta itu amat cantik. OKT menyatakan bahawa "It took me 20 years to buy this car". OKT kemudian mempelawa SP1 untuk cuba memandu keretanya. Kemudian OKT memberhentikan kereta dan mereka berdua telah keluar secara serentak daripada kereta itu dan SP1 telah mengambil alih memandu kereta tersebut. Mereka meneruskan perjalanan dan menuju ke jalanraya. OKT menyatakan bahawa SP1 tidak diarahkan olehnya untuk memandu kereta tersebut. OKT juga menyatakan bahawa dia telah duduk di kerusi penumpang sebelah pemandu secara biasa dan telah tidak menolak tempat duduk itu habis ke belakang. Di bulatan Prai, OKT telah melihat kesesakan jalanraya di atas jalan mereka lalui dan mencadangkan kepada SP1 untuk berpusing balik dan mengambil lebuhraya oleh kerana kesesakan jalan tersebut tidak akan memberi peluang baik bagi SP1 mencuba keretanya. Mereka masih berbual-bual tanpa menumpukan kepada apa-apa tajuk yang khusus. Di jalanraya, SP1 terus memandu secara sukarela tanpa diarah oleh OKT. Setiba mereka di persimpangan Sungai Dua, OKT telah memberitahu SP1 supaya memandu ke rumahnya dahulu oleh kerana dia ingin berjumpa dengan kontraktor Cina yang sedang memasang simen di rumahnya. Dari tempat itu, rumah OKT lebih dekat daripada Mahkamah Butterworth. Kontraktor itu biasanya pulang dari kerja antara pukul 4.30 hingga 5 petang, dan oleh itu OKT perlu berjumpa sebelum dia menghabiskan kerjanya pada hari itu. SP1 telah bersetuju untuk ke rumah OKT dan OKT pula berkata bahawa SP1 boleh sekaligus melihat rumahnya juga, oleh kerana dia (SP1) tidak pernah melawat rumahnya.

Apabila tiba di rumah OKT, OKT telah memanggil pembantu rumahnya, iaitu Vanita (SD4) untuk membuka pintu rumah. SP1, kemudiannya telah masuk ke rumah dan dipelawa minuman oleh OKT. SP1 telah meminta whisky dan OKT telah memanggil pembantu rumahnya untuk membawa keluar gelas dan

ais. SP1 telah meminum 2 peg whisky. Isteri dan anak-anak OKT pada hari itu sedang bercuti di rumah mertua OKT di Ipoh. Selepas minum, SP1 telah minta untuk menggunakan tandas. OKT menjemput SP1 naik ke atas bagi tujuan menggunakan tandas dan juga untuk menunjukkan bahagian tingkat atas rumahnya. Di sebelah atas rumah, OKT telah menunjukkan bilik anak-anaknya serta bilik tidur utama OKT. Dia juga telah menunjukkan bahagian ruang tempat kerjanya di luar bilik tidur utamanya. OKT kemudiannya telah menunjukkan tandas dalam bilik tidurnya dan SP1 telah menggunakan tandas itu, sementara OKT menunggu di luar bilik, di bahagian tempat kerjanya. OKT juga telah menunjukkan gambar perkahwinannya kepada SP1. Selepas itu, SP1 dan OKT telah turun ke bawah dan OKT telah menunjukkan bahagian di luar rumah, bersebelahan dengan ruang makan. Kemudian OKT telah mengajak SP1 untuk balik ke pejabat dengannya. OKT juga telah memberi sebotol whisky di dalam kotak kepada SP1 untuk dibawa pulang. Mengikut keterangan OKT, dia biasa berbuat demikian oleh kerana dia ada banyak botol arak yang kadangkala dihadiahkan oleh saudara maranya. Apabila mereka keluar rumah, OKT telah bercakap dengan kontraktor Cina (SD5) dan dia juga telah memperkenalkan SP1 kepada SD5. Kemudiannya mereka berlepas daripada rumah OKT menaiki kereta OKT dan semasa dalam perjalanan mereka telah berbual seperti biasa. SP1 tidak membantah terhadap tindakan OKT untuk menghantar dia pulang. Apabila sampai ke pejabat, OKT telah mengetip kad perakam waktunya dan pulang ke rumah.

Pada keesokan harinya, 31 Disember 1997, sehingga 5 Januari 1998, SP1 telah tidak hadir bekerja. Pendaftar mahkamah telah memaklumkan OKT bahawa SP1 telah bercuti sakit. Walau bagaimanapun, SP1 telah tidak mengemukakan sijil cuti sakitnya.

OKT, dalam masa itu telah menelefon SP1 untuk menanyakan khabar dan juga oleh kerana bulan puasa telah bermula, bagaimana keadaan SP1 dengan puasanya. Pada 6 Januari 1998, SP1 telah balik bekerja dan OKT telah meminta dia mengemukakan sijil cuti sakitnya. SP1 berbuat demikian walaupun lewat. Pada 7 Januari 1998, OKT telah berhubung dengan SP1 untuk menanyakan masalah alasan penghakiman SP1 yang masih tertunggak. OKT juga menyatakan antara 7 Januari 1998 ke 14 Januari 1998, OKT ada mendesak dan menekan SP1 atas alasan-alasan penghakimannya yang masih tertunggak. OKT juga ada meminta SP1 menyediakan senarai alasan penghakimannya yang tertunggak, tetapi SP1 telah tidak berbuat demikian. Oleh itu OKT telah meminta kerani rayuannya iaitu Puan Hajjah Rohani (SD3) untuk menyediakan senarai tersebut yang dikemukakan sebagai esbt. D3. OKT berkata bahawa antara 7 Januari 1998 hingga 12 Januari 1998, SP1 ada berjanji kepadanya untuk berjumpa dengannya berkenaan alasan penghakimannya itu. Pada 12 Januari 1998 SP1 berjanji untuk berjumpa OKT tentang hal itu, tetapi

telah gagal berbuat demikian. OKT menyatakan bahawa pada 10 Januari 1998, ada kemungkinan dia telah berjumpa dengan SP1 tentang hal yang sama. Walau bagaimanapun dia menafikan yang dia telah pergi ke kamar SP1 atau menelefon SP1 setiap hari antara 7 Januari 1998 hingga 13 Januari 1998.

Pada 14 Januari 1998, SP1 menyatakan bahawa pada sebelah petang dia bersidang dalam mahkamah terbuka sehingga 3.30 petang. OKT menafikan bahawa dia telah berada di kamar SP1 sehingga pukul 3 petang. D23 ialah laporan harian yang telah disediakan oleh jurubahasanya, Encik K. Ganason, SD6, dikemukakan sebagai sokongan keterangan OKT untuk menunjukkan yang mahkamahnya bersidang pada petang tersebut antara 2.30 petang hingga 3.30 petang. Pada sebelah petang, selepas tamat persidangan mahkamah terbuka, OKT telah turun ke keretanya untuk tujuan mengambil sekeping kertas di atas mana dia telah menulis nombor telefon pejabat kelas muzik anaknya. Tujuannya ialah untuk menelefon kelas muzik anaknya untuk menentukan pukul berapa kelas mereka tamat oleh kerana pada hari itu OKT telah menerima panggilan daripada kerani di kelas muzik tersebut yang menyatakan bahawa ada perubahan masa. Di tempat letak kereta, OKT telah terserempak dengan SP1 yang pada masa itu berada di dalam keretanya dan telah sedia untuk pulang. Enjin kereta SP1 sudah dihidupkan. OKT telah menyatakan kepada SP1 bahawa dia (SP1) sepatutnya berjumpa dengan OKT pada hari itu untuk berbincang masalah alasan-alasan penghakimannya yang tertunggak. SP1 telah mematikan enjin keretanya dan keluar daripada keretanya dan mengikut OKT naik ke pejabatnya di tingkat 4. OKT menafikan bahawa dia telah memaksa SP1 untuk naik ke atas. Setiba di pejabat OKT, jurubahasa OKT, SD6, masih berada di mejanya di luar kamar OKT. Apabila OKT dan SP1 berada di dalam kamar OKT, OKT telah menerima panggilan telefon dan telah berbual di dalam telefon. Sambil berbual dalam telefon, OKT telah mengeluarkan dua alasan penghakimannya dan menunjukkannya kepada SP1 sebagai contoh. Selepas itu, OKT telah bertanya kepada SP1 tentang kedudukan alasan penghakimannya yang tertunggak dan SP1 telah memaklumkan bahawa kes No. 7 dalam senarai di D3 telah disediakan dan SP1 telah membatalkan kes itu dengan garisan pensil. Kemudian OKT telah meminta akujanji yang diberi oleh SP1 supaya SP1 menyediakan semua alasan-alasan yang tertunggak sebelum akhir bulan Januari. Hal ini dicatatkan oleh OKT dengan pensil ke atas D3. OKT kemudiannya menyuruh SP1 menyediakan satu alasan penghakiman setiap hari. Apabila SP1 mendengar kata-kata itu, SP1 kelihatan marah dan berkata kepada OKT "Don't pressurise me into writing the judgments". SP1 juga mengungkap kata-kata "I cannot take the pressure". OKT setelah melihat wajah SP1 yang berubah telah tidak ingin meneruskan perbincangan tentang perkara itu. Seterusnya SP1 telah bangun dari tempat duduknya dan melulu keluar daripada kamar OKT dengan cara menghempas pintu kamar. Perbuatan ini, mengikut OKT, ialah sama dengan cara SP1

menghempas pintu kamar semasa mahkamah ini melawat kamarnya pada 5 Ogos 1998. (Pada hari itu, SP1 dalam keadaan yang marah, telah berbuat demikian di hadapan saya dan di dalam pemerhatian peguam-peguam dan Timbalan Pendakwa Raya). OKT telah menafikan keterangan SP1 yang menyatakan bahawa dia (OKT) telah menyendal pintu bilik air di dalam kamarnya dengan buku-buku lama dan telah memasang lampu berbentuk sphera di atas mejanya ketika mereka berada di dalam kamar OKT. OKT telah menyatakan memang benar apabila berlaku gangguan bekalan letrik, bilik airnya akan menjadi terlalu gelap dan terpaksa dia membuka pintu bilik airnya dan menyendal pintu tersebut dengan buku-buku lama oleh kerana pintu bilik air itu akan tertutup secara otomatik. Berkenaan dengan lampu sphera, OKT telah menjelaskan bahawa dia membawa lampu itu ke pejabatnya sebelum 14 Januari 1998 untuk menentukan samada lampu itu masih boleh dipakai oleh kerana dia mendapati sebelum itu bahawa lampu itu telah tidak berfungsi. Lampu tersebut memang berada di atas meja sepanjang hari dan ada beberapa orang kakitangan dan pegawai telah melihat lampu tersebut.

Berkenaan dengan percakapan OKT dengan SP1 melalui telefon yang telah didengar oleh jurubahasa Kanimal (SP3), OKT menyatakan memang benar dia telah menelefon SP1 dan SP1 ada menyatakan bahawa jika ada urusan rasmi bolehlah OKT memanggilnya, jika tidak, OKT tidak perlu memanggilnya atau berjumpa dengannya. OKT mengaku bahawa dia ada mengungkap kata-kata "Why are you avoiding me, E ...". Beliau menjelaskan bahawa dia mengungkap kata-kata tersebut dalam konteks urusan kerja dan masalah kerja SP1.

OKT menafikan segala dakwaan SP1 yang menyatakan bahawa OKT pernah berkata perkataan-perkataan romantik terhadap SP1. OKT juga menafikan dia telah memaksa SP1 memandu keretanya dan pergi ke rumahnya pada 30 Disember 1997 dan melakukan perbuatan-perbuatan yang didakwa oleh SP1 berlaku pada hari tersebut. OKT juga menafikan dia telah memaksa SP1 naik ke kamarnya pada 14 Januari 1998 secara memimpinnya dari belakang. OKT juga menafikan bahawa telah berlaku kekerasan jenayah terhadap SP1 di dalam kamarnya pada hari tersebut. Seterusnya OKT menafikan segala perbuatan yang dikatakan SP1 telah dilakukannya terhadap SP1 seperti kejadian di dalam teksi di Kuantan, kejadian menyentuh semasa SP1 berada di dalam keretanya bersama anak-anak OKT apabila OKT mengambil balik anak-anaknya daripada kelas muzik, yang dia berpura-pura berlemah lembut dengan SP1 untuk tujuan mengambil kesempatan terhadapnya, dan yang dia telah merancang supaya SP1 menaiki keretanya dalam lawatan rasmi ke Mahkamah Majistret Jawi dan Bukit Mertajam pada 30 Disember 1997 untuk tujuan niat jahat. OKT juga mengatakan bahawa dia seorang yang peramah dan senang berbicara dengan pegawai-pegawai serta kakitangannya dan menganggap mereka sebagai ahli keluarganya sendiri. Dia juga tidak banyak berurusan dengan mereka secara

formal, dan tidak terlalu cerewet berkenaan tugas rasmi. Namun begitu, dia adalah seorang Ketua Jabatan yang tegas apabila keadaan memerlukan dan sepanjang perkhidmatannya sejak tahun 1989 tidak pernah mengalami apa-apa masalah dalam perkhidmatan. Malah pada tahun 1994 OKT telah dianugerahkan dengan Anugerah Khidmat Cemerlang. Dia tidak mempunyai apa-apa masalah perhubungan dengan mana-mana pegawai dan kakitangan di bawahnya. OKT juga mengatakan, SP1 merupakan seorang yang 'aloof' dan tidak mempunyai tali perhubungan rapat dengan pegawai-pegawai lain. SP1 juga mengalami beberapa masalah disiplin dalam kerjanya dan OKT pernah berbicara dengannya dan menasihati SP1 tentang hal itu.

Apabila TPR menyoal balas OKT mengapakah dia tidak mencatitkan perihal adanya alasan penghakiman tertunggak bagi SP1, pegawai-pegawai lain termasuk dirinya sendiri ke dalam penyata bulanan, OKT telah menjelaskan bahawa ini adalah sebab sifat timbang rasa yang mengambil berat terhadap kebajikan pegawai dan kakitangan dan tidak suka melihat mereka menghadapi masalah atau merosakkan kerjaya mereka. Oleh itu OKT telah memberi arahan kepada kerani rayuan agar merujuk kepadanya terlebih dahulu sebelum dicatitkan perihal alasan tertunggak ke dalam penyata bulanan. Dengan peraturan ini OKT berpeluang untuk bercakap dan menerima penjelasan daripada pegawai-pegawai yang mempunyai alasan tertunggak. Cara ini, kata OKT, membawa manfaat kepada semua pegawai, walaupun jika keadaan memerlukan, dia akan bersikap tegas.

SD2 ialah Encik Azman Abu Hassan, Majistret Bukit Mertajam. Dia mengesahkan lawatan OKT dan SP1 ke Mahkamah BM pada 30 Disember 1997. Dia juga mengesahkan menulis surat dan senarai inventori buku-buku yang dipindahkan daripada Mahkamah BM ke Mahkamah Butterworth (D40) dan yang SP1 telah diminta mengendalikan penerimaan buku-buku tersebut untuk dimasukkan ke dalam perpustakaan di Mahkamah Butterworth.

SD3 ialah Hajjah Rohani bt. Din, kerani rayuan di Mahkamah Butterworth. Dia berkata bahawa OKT meminta dia merujuk kepada OKT dahulu sebelum menyediakan penyata bulanan. Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai memberi penjelasan jika mereka ada alasan penghakiman tertunggak sebelum perkara itu dicatitkan ke dalam penyata bulanan. SD3 juga berkata yang dia telah sediakan esbt. D3 dan salinan senarai itu masih wujud dalam komputernya. SD3 juga berkata bahawa dalam bulan Januari 1998, OKT telah menunjukkan D3 kepadanya dengan potongan dibuat kepada Item No. 7. SD3 telah diberitahu oleh OKT yang SP1 akan menyelesaikan baki alasan penghakimannya pada hujung bulan Januari. Apabila SP1 tidak berbuat demikian, SD3 telah melaporkan hal itu kepada OKT dan OKT telah mengarahkan SD3 supaya tunggakan alasan penghakiman SP1 dicatitkan ke dalam penyata bulanannya.

Walau bagaimanapun OKT mengubah fikirannya setelah dimaklumkan oleh SD3 bahawa untuk berbuat demikian, penyata-penyata bulanan sejak Ogos 1997 perlu juga dikemaskini oleh kerana penyata-penyata bulanan yang lampau itu tidak mencatitkan apa-apa tunggakan alasan penghakiman oleh mana-mana pegawai, walaupun sebenarnya ada alasan penghakiman mereka yang masih tertunggak. OKT juga telah meminta SD3 untuk menasihatkan SP1 berkenaan masalah tunggakan alasan penghakimannya tetapi SD3 enggan berbuat demikian kerana, kata SD3, tidak kena pada tempatnya dia bercakap dengan SP1 berkenaan hal itu.

SD4 ialah Cik P. Vanita, pembantu rumah OKT. Dia menyatakan bahawa pada 30 Disember 1997 dia telah menyediakan gelas dan ais untuk tetamu (SP1) apabila OKT dan SP1 masuk ke rumah. Kemudian dia ke dapur. Dia menyedari yang SP1 dan OKT naik ke bahagian atas rumah. Walaupun TPR telah menyoal SD4 dengan panjang lebar samada dia sebenarnya nampak kaki SP1 dan OKT melalui cermin di atas landing tangga, semasa SP1 dan OKT berada di atas, untuk menimbulkan keraguan terhadap keterangannya, SD4 telah berdiri teguh dengan keterangannya itu. Bagi mahkamah pula, apa yang penting ialah SP1 dan OKT telah naik ke atas rumah sekejap (kata SD4 selama 5 minit) dan kemudian telah turun dalam keadaan biasa. Bahawa SD4 menyedari hakikat ini dan melihat mereka turun tidak boleh disangkal. Begitu juga dengan hakikat yang SP1 telah sudi minum semasa berada di rumah OKT, yang menunjukkan kelakuan biasanya sebagai tetamu.

Semasa dia sedang mengelap meja makan, SP1 dan OKT telah turun ke bawah dan OKT telah menunjukkan SP1 kerja-kerja yang sedang dijalankan di bahagian luar rumah bersebelahan ruang makan. Kemudian dia telah mengambil gelas kosong yang telah digunakan untuk dibawa ke dapur. Kemudian dia melihat mereka keluar dan bercakap-cakap dengan kontraktor Cina (SD5) di luar rumah. Dia juga berkata bahawa di bahagian bawah ada bilik air untuk kegunaannya sendiri dan kebiasaannya dia menggantung pakaian basahnya dalam bilik air itu. Pada hari itu bilik air itu tidak dalam keadaan kemas dan bersih. OKT dalam keterangannya berkata bilik air tersebut tidak sesuai digunakan oleh tetamu pada hari itu.

Fakta-fakta ini menjadi penting dalam pertimbangan mahkamah terhadap kelakuan SP1 semasa berada di rumah OKT pada hari itu, yang akan dihuraikan di hujung penghakiman ini.

SD5 ialah Encik Ho Lea Hwa, kontraktor Cina yang sedang menjalankan kerja-kerja simen dan longkang di rumah OKT pada 30 Disember 1997. Dia menyatakan bahawa dia bekerja selama dua hari di rumah OKT dan 30 Disember 1997 ialah hari kedua. Apabila OKT pulang ke rumahnya pada hari itu, SD5 berada di penghujung kerjanya dan sedang berkemas-kemas untuk

pulang. SD5 nampak OKT dan SP1 tiba dan melihat mereka terus masuk ke rumah. Pada masa itu SD5 berada di tepi rumah. Semasa OKT keluar dari rumah, OKT telah bercakap dengannya mengatakan OKT berpuashati dengan kerjanya. OKT juga telah memperkenalkan SP1 kepada SD5. SD5 tidak melihat SP1 dalam keadaan luarbiasa ataupun kelihatan marah. SP1 dengan wajah bersenyum telah berjabat tangan dengan SD5. Kelakuan SP1 adalah biasa (normal), mengikut SD5.

SD6, ialah Encik Ganason a/l Krishnan iaitu jurubahasa di mahkamah OKT. Dia mengesahkan yang OKT telah datang lewat ke pejabat pada 30 Disember 1997. Setelah OKT menyebut kes-kes di mahkamahnya dan kes Mahkamah Sesyen 2 (Hakim Sesyen 2, SP2 bercuti hari itu), OKT memberitahunya dia akan pergi ke Mahkamah Majistret Jawi. Antara tugas SD6 ialah penyediaan laporan harian bagi Mahkamah Sesyen OKT. Ini dibuat, pada kebiasaannya di antara pukul 3.30 hingga 4 petang semasa mahkamah masih bersidang dan diserahkan kepada OKT sebelum OKT pulang. Mengikut aturan yang ditetapkan oleh OKT, jurubahasa-jurubahasanya dikehendaki memaklumkan kepada OKT dahulu sebelum mereka balik selepas waktu pejabat. Esbt. P23 ialah laporan harian mahkamah OKT bagi 14 Januari 1998. SD6 mengesahkan yang dia telah menyediakan laporan itu pada petang itu juga, selepas persidangan mahkamah. P23 menunjukkan bahawa OKT bersidang dari pukul 9 pagi hingga 12.35 tengahari dan dari pukul 2.15 hingga 3.30 petang pada hari itu. SD6 juga menyatakan bahawa perhubungan OKT dengan SP1 adalah seperti biasa, sama dengan perhubungannya dengan pegawai-pegawai lain walaupun OKT tidak berjumpa dengan SP1 sekerap pertemuannya dengan Majistret Puan Zaharah yang, katanya, selalu keluar bersarapan dengan OKT. SD6 juga menyatakan yang dia pernah melihat D3 iaitu senarai alasan penghakiman tertunggak SP1. Dia melihat D3 terletak di atas meja OKT pada hari pegawai polis menjalankan penyiasatan di kamar OKT, iaitu selepas dua atau tiga hari OKT ditangkap. SD6 nampak garisan potongan di atas D3 serta catitan yang dibuat dengan pensil. Dia juga melihat OKT datang ke kamarnya untuk mengambil barang-barangnya, termasuk D3 (iaitu selepas OKT dituduh di mahkamah dan telah digantung kerja).

SD6 juga berkata bahawa dia pernah lihat lampu sphera di atas meja OKT. Dia juga kata yang bilik air dalam kamar OKT tidak mempunyai tingkap dan akan dalam keadaan gelap apabila berlakunya kegagalan bekalan letrik dan dalam keadaan begitu OKT akan menggunakan buku untuk menyendal pintu bilik air supaya terbuka sedikit dan mendapat cahaya lampu kecemasan daripada kamar.

Hujah Penutup Dan Keputusan

Dalam hujah penutup kes, Encik Karpal Singh telah menyatakan bahawa mahkamah kini perlu menumpukan perhatiannya kepada keterangan yang telah dikemukakan dan menegaskan bahawa beban pembuktian kes terletak kepada pihak pendakwa dan ia tidak berpindah. Persoalan yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah, hujah peguam ialah samada cerita OKT telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwa. Kes otoriti *PP v. Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 dan *Nadarasa v. PP* [1972] 2 MLJ 47 dan beberapa otoriti lain telah dirujuk oleh peguam bijaksana untuk menyokong proposi ini. Tidak perlu bagi mahkamah menyebut satu persatu kes-kes tersebut oleh kerana prinsip yang terpakai adalah mantap, dan diterima oleh mahkamah ini. Peguam juga berhujah bahawa jika pun didapati bahawa SP1 ialah pihak yang rela dalam kejadian ini – walaupun pembelaan OKT ialah kejadian-kejadian itu sebenarnya tidak berlaku – maka SP1 telah menjadi seorang rakan jenayah (accomplice) dan adalah amat penting ceritanya disokong dengan keterangan sokongan bebas (corroboration). Tambah pula, kata peguam, jika didapati ada kerelaan terhadap pertuduhan di bawah s. 354 KK, maka, keseluruhan keterangan yang menjadi asas bagi pertuduhan-pertuduhan pilihan di bawah s. 377D KK juga semestinya ditolak. Peguam terpelajar juga meminta agar mahkamah mempertimbangkan kredibiliti OKT berbanding dengan SP1.

Encik Gurbachan Singh pula telah merujuk kepada hujah pembelaan di hujung kes pendakwa untuk diterimapakai. Peguam terpelajar berkata bahawa adalah mustahil bagi kejadian pada 30 Disember 1997 telah dirancangkan oleh OKT seperti yang didakwa oleh SP1. Juga tidak mungkin kejadian dalam kereta OKT telah berlaku di tempat awam dan di siang hari di mana orang awam tentu boleh melihat ke dalam kereta. Peguam juga merujuk kepada beberapa aspek keterangan SP1 yang dikatakan saling bercanggah dengan keterangannya sendiri ataupun dengan keterangan saksi lain, dan memohon agar mahkamah menolak keterangan SP1 sebagai tidak kredible. Peguam terpelajar juga berkata bahawa keterangan SP1 tidak disokong oleh apa-apa keterangan sokongan bebas, akan tetapi OKT sendiri telah berjaya mengemukakan pelbagai keterangan sokongan terhadap ceritanya.

TPR terpelajar telah berhujah bahawa pembelaan OKT adalah satu penafian kosong yang tidak berkemungkinan dan tidak harus diterima sebagai benar. TPR berkata bahawa cerita OKT yang dia ingin bertemu dengan kontraktor Cina di rumahnya secara segera pada 30 Disember 1997, adalah tidak benar oleh kerana setiba di rumahnya, OKT terus masuk ke rumah bersama SP1 tanpa menemui kontraktor itu dahulu. Juga tidak kemungkinan ialah penjelasan OKT mengapa SP1 perlu menggunakan bilik air di atas, oleh kerana OKT sendiri tidak tentukan samada bilik air di bawah dalam keadaan bersih atau

tidak. TPR juga berhujah bahawa esbt. D3 sebenarnya disediakan oleh OKT supaya dia dapat helah untuk memanggil SP1 ke kamarnya pada 14 Januari 1998. Juga tiada bukti yang menunjukkan bahawa D3 disediakan pada 10 Januari 1998 seperti dinyatakan oleh SD3. TPR juga berkata bahawa tiada keterangan yang pada 14 Januari 1998 telah berlakunya putus bekalan letrik dan oleh itu penjelasan OKT berkenaan susunan buku untuk menyendal pintu bilik air dalam kamarnya seharusnya ditolak oleh mahkamah. TPR bijaksana juga berhujah bahawa jikapun SP1 rasa amat marah terhadap tekanan OKT untuk dia menyiapkan alasan penghakiman tertunggaknya, dia tidak mungkin menjadi sebegitu marah sehingga badannya menggigil. Dan tidak mungkin juga oleh kerana perasaannya itu, SP1 sanggup 'frame-up' OKT dengan dakwaan ini. TPR juga berkata bahawa keterangan OKT adalah tidak munasabah dan tidak sepatutnya diterima sebagai benar. TPR berhujah lagi bahawa saksi-saksi pembelaan juga tidak kredible dan oleh itu keterangan mereka tidak boleh dipertimbangkan sebagai corroboration. Hujah TPR lagi, walaupun OKT cuba menampilkan dirinya sebagai seorang yang berhemah, bertimbangrasa dan seorang Ketua Jabatan yang tegas, keterangan menunjukkan sebaliknya. Umpamanya esbt. D17 (tuntutan perjalanan OKT) tidak mencatitkan butiran yang sebenarnya. Juga laporan bulanan pegawai-pegawai dibuat secara menipu dan tujuannya ialah untuk kepentingan dirinya. OKT juga telah merancang selama lebih setahun untuk mengambil kesempatan ke atas SP1, dan sentuhan badan serta kata-kata manisnya terhadap SP1 adalah bertujuan untuk menguji SP1. SP1 pula telah terpedaya dengan 'brainwashing' selama itu, oleh OKT. OKT juga mengatakan kepada SP1 yang perbuatannya adalah tidak salah kerana ia adalah hasil cinta yang suci. SP1 tidak mungkin mengada-ada cerita ini, yang telah dihuraikan secara terperinci, jika kejadian-kejadian itu tidak sebenarnya berlaku.

Saya telah memutuskan bahawa pembelaan OKT bukan satu penafian kosong semata-mata. OKT telah berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap allegasi SP1. Lebih daripada itu, saya berpendapat yang OKT telah berjaya mematahkan cerita SP1 atas segala aspek secara spesifik. OKT bukan sahaja telah memberi penjelasan melalui keterangannya akan tetapi telah mengemukakan saksi-saksi yang, bagi saya, adalah bebas dan tidak memihak, untuk menyokong ceritanya.

Saya bersetuju dengan peguam-peguam OKT bahawa keterangan SP1 tidak mempunyai sokongan secara bebas (corroboration). Perlu diulangi bahawa dalam sesuatu kes seksual seperti ini, mahkamah perlu mementingkan kewujudan corroboration, walaupun undang-undang tidak memerlukannya. Corroboration pula hendaklah keterangan bebas terhadap fakta material yang menyokong secara terus aduan SP1 dan yang boleh mengesahkan kesalahan OKT. (*Ah Mee v. PP* [1967] 1 MLJ 220). SP1 tidak boleh menyokong dirinya

sendiri (*Balwant Singh v. PP* [1960] 26 MLJ 264), apatah lagi dalam kes ini, saya berpendapat yang SP1 merupakan seorang accomplice. Walaupun undang-undang membenarkan mahkamah menerima keterangan seseorang accomplice seperti SP1 di sini, tanpa sebarang corroboration, ini hanya boleh berlaku dalam keadaan yang luarbiasa dan di mana mahkamah tidak langsung meragui kredibiliti SP1 (*PP v. Mardai* [1950] 16 MLJ 33). Oleh kerana ada keraguan terhadap cerita SP1, seperti yang telah saya memutuskan di awal penghakiman ini, maka amatlah perlu – dan ini sudah menjadi amalan biasa yang diterima – agar saya berhati-hati dalam penerimaan keterangan SP1 yang tidak langsung disokong oleh keterangan bebas dan mengingatkan diri saya bahawa amat tidak selamat bagi OKT disabitkan dengan hanya keterangan SP1 seorang tanpa corroboration.

SP1 telah tidak membuat laporan polis terhadap perbuatan OKT pada 30 Disember 1997. Walaupun SP1 dalam perasaan yang amat marah sehingga terlintas di hatinya hendak membunuh OKT dan walaupun dia menyedari yang dia boleh membuat laporan polis, SP1 tidak bertindak sedemikian, malah selepas kejadian pertama di dalam kereta dia masih ikut OKT ke rumahnya, dan bagi saya, secara sukarela. Jika benar SP1 tidak rela dengan perbuatan OKT itu, mengapa tidak dia berhentikan sahaja kereta yang sedang dia sendiri pandu pada ketika itu? Mengapa pula dia tidak laporkan terus kejadian itu ke Balai Polis yang berhampiran? SP1 ialah seorang Majistret dan tahu dengan seluk beluk membuat laporan polis terhadap sesuatu jenayah. Dia juga, mengikut keterangannya menyedari bahawa apa yang dilakukan oleh OKT ke atasnya adalah satu kesalahan jenayah. Namun begitu, walaupun kejadian kedua berlaku di rumah OKT, SP1 masih tidak bertindak untuk melaporkan kejadian pada 30 Disember 1997 kepada pihak polis. Malah, sehingga kes ini dibawa ke mahkamah SP1 tidak berbuat demikian, walaupun telah dinasihatkan untuk melaporkannya kepada polis oleh YA Dato' Abdul Hamid Mohamad. Sudah tentu jika ada laporan polis, ini akan menyokong keterangan SP1 sendiri. SP1 menyatakan yang dia telah memaklumkan kejadian itu kepada isterinya pada sebelah malam 30 Disember 1997. Malangnya isteri OKT telah tidak dipanggil sebagai saksi untuk memberi satu naratif yang lengkap dan bersinambungan dengan cerita SP1 terhadap kejadian pada 30 Disember 1997. Aduan telah dibuat kepada SP2 pada 12 Januari 1998. Walau bagaimanapun, saya memutuskan bahawa aduan ini adalah terlalu lewat dan lagipun tidak boleh dianggap sebagai corroboration dalam ertikata sebenarnya walaupun boleh dibenarkan sebagai keterangan di bawah s. 157 Akta Keterangan. (Sila lihat *Koh Eng Soon v. Rex* [1950] 16 MLJ 52).

Berkenaan dengan kejadian di dalam kereta pada 30 Disember 1997, saya telah memutuskan bahawa kejadian tersebut tidak mungkin boleh berlaku tanpa kerelaan SP1. OKT pula telah menyatakan bahawa kejadian tersebut tidak langsung berlaku. Peguam terpelajar OKT berhujah bahawa mustahil bagi

kejadian itu berlaku dalam keadaan yang ada pada masa itu, iaitu ketika SP1 memandu kereta di jalanraya yang sibuk dengan lalulintas dan pada siang hari di tempat awam dalam keadaan terbuka yang boleh dilihat oleh sesiapa sahaja. Walaupun pembelaan telah dipanggil terhadap pertuduhan alternatif pertama bagi kesalahan di bawah s. 377D, saya telah membuat penilaian semula, dan secara terperinci, termasuk pertimbangan terhadap kredibiliti saksi-saksi, terutamanya SP1 sendiri, untuk memutuskan samada cerita OKT telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwa (*Mohamed Yatin bin Abu Bakar v. PP* [1950] 16 MLJ 57). Saya bersetuju dengan pendirian pembelaan yang kejadian di dalam kereta ada hubung kait yang langsung dengan kejadian di rumah OKT pada hari sama. Oleh itu, keseluruhan naratif OKT terhadap apa yang berlaku pada hari itu telah diambil kira dalam keputusan saya untuk melepas dan membebaskan OKT daripada kedua-dua pertuduhan alternatif di bawah s. 377D KK.

Saya perlu ulangi yang pembelaan terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut dipanggil di atas inferens bahawa kesalahan tersebut boleh berlaku dengan kerelaan SP1. Walau bagaimanapun, isu corroboration terhadap cerita SP1 yang terdahulu daripada ini telah ditangguh, perlu diambil kira dan dipertimbangkan di peringkat ini. Seperti yang telah diputuskan di atas, pihak pendakwa telah gagal mengemukakan sebarang corroboration. Keterangan OKT terhadap apa yang berlaku di rumahnya pula, disokong dengan keterangan oleh Vanita, pembantu rumahnya (SD4), serta kontraktor Cina, SD5. Kedua-dua mereka telah menyatakan bahawa tingkah laku SP1 kelihatan seperti biasa sahaja pada hari itu. SP1 telah masuk ke rumah OKT, dan dihidangkan minuman seperti tetamu biasa. SP1 juga telah ditunjukkan bahagian dalam rumah, di bawah dan di atas. Setelah dia keluar rumah dia telah diperkenalkan kepada SD5 dan berjabat tangan dengannya. SP1 dilihat oleh SD5 dalam keadaan tersenyum. Selepas itu SP1 telah berlepas bersama-sama OKT, menaiki kereta OKT. Kelakuan SP1 sepanjang masa dia berada di rumah OKT tersebut seperti yang diperhatikan oleh saksi-saksi SD4 dan SD5 menunjukkan bahawa SP1 tidak berada dalam keadaan tertekan atau kemarahan ketika berada di rumah OKT. Fakta ini, yang diterima oleh saya, adalah bercanggah dengan keterangan SP1 yang telah menyatakan perasaannya yang amat marah terhadap OKT pada masa itu. Keterangan SP1 ini, yang tidak disokong oleh apa-apa corroboration, jika diimbangkan dengan keterangan OKT – yang, walaupun tidak diperlukan, tetapi telah disokong oleh keterangan saksi-saksi bebas – membawa saya kepada hanya satu kesimpulan, iaitu, cerita SP1 pada keseluruhannya tentang kejadian pada 30 Disember 1997 itu, diseliputi dengan pelbagai keraguan. Dan, di peringkat penghujung kes ini, di mana pihak pendakwa dibebankan oleh undang-undang untuk mengemukakan bukti tanpa keraguan munasabah, keraguan terhadap ketelusan cerita SP1 tersebut, hendaklah memihak kepada

OKT (*PP v. Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16). Sayugia diingatkan yang undang-undang tidak memerlukan OKT membuktikan yang dia tidak bersalah (s. 182A Kanun Acara Jenayah).

Beralih kepada pertuduhan ketiga, di bawah s. 354 KK, iaitu terhadap kejadian di dalam kamar OKT pada 14 Januari 1998. Pembelaan telah dipanggil atas sebab, dan saya ulangi, mahkamah mendapati bahawa keterangan SP1 disokong oleh keterangan bebas melalui keterangan SP2, hakim Encik Tarmizi dan SP3, jurubahasa Cik Kanimal. Saya telah menerima sebagai corroboration, penglihatan SP2 terhadap keadaan semasa SP1 menerpa masuk ke kamar SP2 dalam keadaan kesengsaraan (distress) dan keadaan marah SP1 semasa dia bercakap melalui telefon dengan OKT serta apa yang diungkapkan oleh OKT dalam telefon yang didengar sendiri oleh SP3.

Fakta keadaan 'distress' SP1 seperti dilihat oleh SP2 selepas kejadian dalam kamar OKT telah saya terima sebagai corroboration oleh kerana ini adalah pandangan seorang saksi bebas sejenak sahaja selepas berlakunya kejadian dalam kamar OKT itu. (Lihat *PP v. Emran bin Nasir* [1987] 1 MLJ 166).

Di peringkat ini adalah perlu bagi saya memberi penilaian semula di tahap yang maksimum terhadap keterangan tersebut, diimbangkan dengan keterangan pihak pembelaan.

Saya juga perlu memberi nilai yang sewajarnya terhadap keterangan corroboration oleh SP2 itu, oleh kerana pengaruh (weight) dan nilai corroboration itu adalah bergantung kepada keadaan serta latarbelakang kejadian itu sendiri (lihat kes *Alan Redpath v. R, CCA* [1962] p. 319; dan kes *John Benjamin Cadawanaltharayil v. Public Prosecutor* [1995] 3 SLR 805).

Saya menerima keterangan OKT dan juga keterangan saksi-saksi pembelaan sebagai keterangan yang boleh dipercayai. Walaupun undang-undang tidak memerlukan OKT menunjukkan yang SP1 mempunyai sebab-sebab tertentu untuk melempar tohmahan palsu terhadapnya (sila lihat *Khoo Kwoon Hain v. PP* [1995] 2 SLR 769), OKT telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwa daripada keterangannya, yang disokong oleh keterangan saksi lain.

Saya memutuskan bahawa OKT telah menampilkan keterangan yang jelas terhadap desakannya ke atas SP1 agar SP1 menyelesaikan pada akhir Januari 1998, semua alasan penghakiman SP1 yang masih tertunggak seperti yang dicatatkan oleh kerani rayuan, SD3, dalam senarai, esbt. D3. Desakan oleh OKT itu pada pandangan mahkamah, telah mendatangkan tekanan kepada SP1, lebih-lebih lagi kerana SP1 adalah seorang pegawai yang belum disahkan dalam jawatannya dan perihal ini boleh menjejaskan kerjayanya. Tiada pula bukti, seperti yang dicadangkan oleh pihak pendakwa, yang esbt. D3 itu telah

disediakan oleh OKT bagi tujuan pembelaannya terhadap pertuduhan ini. Pada masa D3 disediakan, OKT tidak menghadapi apa-apa pertuduhan, malah masih belum ada penyiasatan terhadap kejadian yang menjadi asas pertuduhan ini. Justeru, reaksi SP1 yang dilihat oleh SP2 pada 14 Januari 1998 boleh ditafsirkan sebagai akibat tekanan mental yang dialami olehnya. Jikapun OKT telah berbohong atas isu ini, saya masih lagi perlu mempertimbangkan samada keterangan OKT itu telah menimbulkan satu kemungkinan yang munasabah untuk menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwa. Ini adalah prinsip mantap yang diterimapakai oleh mahkamah dalam sesuatu perbicaraan jenayah sejak keputusan *Mat v. PP* [1963] 29 MLJ 263. Seperti yang diungkap oleh Abdul Hamid Omar, KHN dalam kes *Pang Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 MLJ 137:

> Upon defence being called he chose to give evidence on oath and there appears nothing improbable with his version, whether true or not.

Begitu jugalah dengan versi OKT di sini yang saya dapati adalah berkemungkinan benar. Oleh itu insiden yang terdahulunya diterima sebagai corroboration (iaitu penglihatan oleh SP2, Encik Tarmizi, dan SP3, jurubahasa Kanimal) kini perlu dinilai kembali oleh mahkamah dalam konteks kes pembelaan dan perasaan SP1 pada masa itu. Setelah ini dilakukan dengan teliti, saya memutuskan bahawa keterangan sokongan oleh SP2 dan SP3 tersebut tidak lagi ada nilai bagi mempengaruhi saya menerima versi oleh SP1. Saya juga menerima keadaan sebelum kejadian dalam kamar OKT pada 14 Januari 1998 itu, dimana OKT telah terserempak dengan SP1 di tempat letak kereta. SP1 pada masa itu telah berada di dalam keretanya, enjin kereta telah dihidupkan dan SP1 telah bersedia untuk pulang. Kemudian SP1 telah secara sukarela mengikut OKT naik ke kamar OKT di tingkat empat untuk membincangkan masalah tunggakan alasan penghakimannya. Saya menerima hujah peguam terpelajar OKT yang menyatakan bahawa tidak mungkin OKT boleh memaksa SP1 naik ke tingkat empat jika SP1 tidak sudi. Keadaan di tempat letak kereta ini dipertimbangkan oleh saya sebagai faktor penting dalam membuat kesimpulan bahawa apa yang dikatakan berlaku di dalam kamar OKT selepas itu, berkemungkinan besar telah berlaku dengan kerelaan SP1. Dan, isu kerelaan ini pula adalah genting bagi pembuktian sesuatu kesalahan di bawah s. 354 KK. Saya tidak menerima hujah TPR bijaksana bahawa SP1 telah di 'brainwash' oleh OKT selama lebih daripada setahun dan kelakuan SP1 adalah akibat 'duress' dan tidak secara sukarela.

Keperibadian SP1 Dan OKT

Dalam kes ini di mana terdapat dua versi yang bertentangan oleh dua orang saksi yang memegang teraju utama, adalah juga penting dan relevan bagi saya membuat penilaian faktual berlandaskan keperibadian atau personaliti kedua-dua SP1 dan OKT. Ini adalah relevan oleh kerana SP1 telah menonjolkan

dirinya sebagai seorang mangsa yang tidak berdaya menghalang perbuatan OKT, yang tidak rela dengan kemaraan OKT, yang telah bertindak di bawah ugutan (duress) dan yang telah diperdaya dengan kata manis OKT sehingga di 'brainwash' oleh OKT. Sepanjang SP1 memberi keterangan saya melihat dia sebagai seorang yang cerdik dan petah berkata-kata. SP1 juga mempunyai keperibadian kuat (strong personality). Dia bukan seorang yang lemah dari segi pemikiran atau fizikal. Ketika memberi keterangan ada kalanya dia menyoal balik peguam OKT dan memberi pandangan secara tegas. Perangai kerasnya juga ada kalanya menonjol, seperti insiden menghempas pintu semasa mahkamah melawat kamar OKT. Pada hari itu SP1 telah menunjukkan kemarahannya dan telah tidak mengawal dirinya atas perkara yang pada saya, remeh iaitu kegagalannya untuk menutup pintu kamar OKT dengan mudah secara biasa. Kelakuan ini menimbulkan kemungkinan yang SP1 telah juga bertindak dalam kemarahan pada 14 Januari 1998 di dalam kamar OKT, setelah OKT mendesak SP1 menyelesaikan segala tunggakan alasan penghakimannya, seperti yang dikatakan oleh OKT dalam pembelaannya. Dan kemungkinan hal ini berlaku merupakan satu inferens yang saya terima sebagai memihak kepada OKT dalam penerimaan versi OKT. SP1 juga, dalam pandangan saya, seorang yang menghormati pegawai atasannya. Pendeknya, SP1 bukan seorang yang lemah dan tidak boleh menjaga dirinya.

Sebaliknya, saya mendapati OKT pula adalah seorang yang lemah lembut dan berhemah tinggi. Selanjutnya saya mendapati bahawa OKT adalah seorang Ketua Jabatan yang pada amnya, bertanggungjawab dan bertimbangrasa, walaupun muncul keterangan yang dia tidak begitu jujur dalam penyediaan laporan bulanan bagi dirinya sendiri dan pegawai-pegawai di bawahnya. Namun begitu OKT adalah seorang yang tegas dan ketegasan ini dapat dilihat terhadap tekanan yang dikenakan kepada SP1 dalam penyediaan tunggakan alasan penghakiman SP1. OKT juga, semasa memberi keterangan, telah menjawab soalan, baik daripada peguamnya ataupun ketika diperiksa balas dengan panjang lebar oleh TPR selama tiga hari secara terus terang, tenang, teliti dan tulus. Tiada sebab bagi saya menolak keterangannya sebagai yang tidak boleh dipercayai. Saya juga tidak bersetuju dengan hujah TPR bijaksana yang keterangannya itu adalah satu penafian kosong. Keterangan saksi-saksi pembelaan, bagi saya, menyokong secara terus cerita OKT dan memperkuatkan versi OKT. Juga, tiada alasan bagi saya untuk tidak menerima keterangan saksi-saksi bebas ini. Pada saya mereka telah berterus terang, dan yang lebih penting telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwa.

Mengambil kira faktor keperibadian SP1 dan OKT itu, saya memutuskan bahawa tidak mungkin SP1 berada di bawah satu ugutan atau telah di 'brainwash' untuk merelakan diri diperdayakan oleh OKT terhadap kejadian pada 14 Januari 1998 di kamar OKT. Dalam kata lain, saya memutuskan

bahawa versi mengikut keterangan SP1 adalah tidak kredible. Dalam pertimbangan saya untuk menolak versi SP1 itu, saya juga telah mengambil kira percanggahan terhadap keterangannya. Antara yang ketara dan material ialah keterangan SP1 bahawa ungkapan OKT melalui telefon yang didengar oleh jurubahasa Kanimal (SP3) sehingga ke hari perbicaraan tidak diketahui olehnya (SP1) dan SP1 tidak pernah menanyakan SP3 apa yang diungkap oleh OKT dalam telefon. SP3 pula telah berkata sebaliknya dan menyatakan yang SP1 ada bertanya dan SP3 telah memberitahu SP1 apa yang OKT kata. Ini, pada saya adalah satu percanggahan yang serius dan memudaratkan SP1 dalam penilaian mahkamah terhadap kredibilitinya. Saya juga tidak terima versi SP1 yang dia seolah-olah tidak ingin tahu langsung apa yang diungkapkan oleh OKT, setelah memberi gagang telefon kepada SP3 dan menyuruh dia mendengar. Satu lagi percanggahan material ialah keterangan SP1 yang mengatakan bahawa pemergiannya dan Puan Zaharah ke Mahkamah Bukit Mertajam pada 30 Disember 1992 adalah tidak kena mengena dengan urusan rasmi. Ini terbukti tidak benar setelah mahkamah mendengar saksi-saksi lain, terutamanya SD2, Majistret Bukit Mertajam, yang menyatakan bahawa SP1 dikehendaki mengurus penerimaan buku-buku perpustakaan yang dipindahkan ke Butterworth. Puan Zaharah juga berada di Bukit Mertajam untuk menjalankan urusan rasminya. Nyata sekali keterangan SP1 telah tersilap.

Saya juga tidak menerima hujah peguam terpelajar OKT bahawa ada konspirasi untuk memerangkap (frame-up) OKT. Tidak ada langsung keterangan untuk menyokong cadangan ini. Saya menolak hujah ini dengan tegas sebagai satu imaginasi pembelaan semata-mata.

Kesimpulan yang dibuat dalam kes ini, adalah berlandaskan fakta semata-mata. Isu undang-undang yang berbangkit adalah berkaitan dengan samada keterangan SP1 disokong oleh keterangan bebas (corroboration). Seperti yang telah disebut diatas, dakwaan seksual seperti dalam kes ini, senang diada-adakan dan amat sukar dinafikan. Justeru, ia memerlukan corroboration. Peranan SP1 pula yang saya anggap sebagai seorang accomplice amat memerlukan corroboration. Dan, dari fakta kes, setelah penelitian mendalam dibuat, saya tidak nampak adanya corroboration terhadap keterangan SP1 itu.

Setelah mendengar keseluruhan keterangan, saya telah memutuskan, mengikut fakta kes dan prinsip undang-undang mantap, bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan pertuduhan-pertuduhan ini di tahap pembuktian yang melebihi keraguan munasabah.

Dengan itu, OKT dilepas dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan terhadapnya.

PENGHAKIMAN TAMBAHAN
(21 Disember 1998)

[Disediakan Mengikut Perintah Mahkamah Rayuan Bertarikh 14 Disember 1998]

Pada 5 September 1998, semasa memutuskan kes ini di mahkamah terbuka, saya telah memberi ulasan secara lisan kenapa OKT telah dilepaskan dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan terhadapnya. Ulasan lisan tersebut diberi berlandaskan alasan rangka yang telah saya sediakan pada 5 September 1998 dan dijadikan nota rujukan saya semasa membuat keputusan di mahkamh terbuka. Alasan rangka itu kini dikemukakan sebagai Lampiran 'A'. (Alasan rangka ini bukanlah alasan yang muktamad atau rasmi dan tidak berniat untuk dijadikan sedemikian atau sebagai dokumen yang boleh dirujuk. Ianya dibekalkan sebagai penjelasan terhadap latarbelakang ulasan saya semasa memberi keputusan pada 5 September 1998)

Semasa ulasan dibuat terhadap kes *prima facie* pendakwaan, saya telah menyatakan bahawa antara sebab-sebab kenapa OKT telah tidak dipanggil untuk membela dirinya terhadap pertuduhan utama (i) dan (ii) – iaitu kesalahan kekerasan jenayah terhadap SP1 di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan – ialah kerana mahkamah mendapati bahawa "zip dan seluar SP1 tidak mungkin boleh dibuka jika dia (SP1) melawan". Alasan ini ada dinyatakan dalam perenggan 2(i), ms 2 rangka alasan saya (Lampiran 'A'). Kemudiannya saya telah membuat sedikit huraian terhadap keputusan ini dengan menyebut bahawa saya sendiri telah membuat percubaan (eksperimen) samada hal ini boleh dilakukan, dalam konteks penilaian saya terhadap keterangan SP1. Saya juga menyatakan bahawa daripada eksperimen saya, adalah mustahil bagi zip seluar seseorang dibuka dan seluarnya dilondehkan tanpa kerelaan dan kerjasamanya, dan oleh itu, saya telah menolak cerita mengikut versi SP1 tentang kejadian yang dikatakan telah berlaku di dalam kereta, pada 30 Disember 1997.

Eksperimen tersebut telah saya lakukan ke atas diri sendiri, **tanpa penglibatan dan pemerhatian sesiapa lagi**. Saya telah cuba membuka zip seluar dan melondehkan seluar saya sendiri dalam dua keadaan, pertama, semasa duduk secara normal di atas kerusi biasa dan kedua, semasa duduk di kerusi pemandu di dalam kereta. Saya dapati, tanpa kerelaan dan kerjasama, adalah mustahil bagi zip seluar dibuka dan seluar serta seluar dalam saya dilondehkan, walaupun dalam keadaan biasa iaitu secara duduk berdiam, (melainkan ada kerelaan, secara mengangkat punggung dan melenturkan bahagian bawah badan) apatah lagi dalam keadaan pada masa kejadian tersebut, di mana SP1, mengikut keterangannya, menyatakan bahawa dia telah melawan kemaraan OKT, dan satu pergelutan sedang berlaku antaranya dan OKT di dalam kereta pada masa itu. Perlu diingati bahawa SP1 juga sedang memandu ketika itu. Percubaan di tempat duduk pemandu dalam kereta didapati lebih sukar oleh kerana pergerakan bahagian bawah badan akan dihadkan dan terganggu oleh steering kereta.

Keterangan SP1 terhadap insiden dalam kereta pada 30 Disember 1997 itu adalah dirujuk, dan saya memetik daripada nota keterangan:

Ms 10 C4 – satu tangan saya pegang steering, tangan kiri saya menepis. Tangannya membuka zip seluar saya.

Ms 38 C3 – Apabila dia duduk begitu, saya merayu supaya dia jangan teruskan niatnya, tetapi OKT terus menarik seluar saya. Dia menarik talipinggang, dia menarik zip dan butang seluar. Selepas itu dia menarik seluar saya. Ya, dia yang membuat itu apabila saya memandu. Seluar dalam saya juga ditarik sehingga terlondeh sedikit. OKT melakukan ini dengan kedua-dua tangannya. Ada pergelutan pada masa ini berlaku. Satu tangan saya di steering kereta.

Fakta yang dicabut daripada keterangan SP1 itu sendiri jelas menunjukkan keadaan yang tidak tenang di dalam kereta itu semasa OKT dikatakan telah menarik talipinggang dan zip seluar SP1, menarik turun seluar SP1, dan juga menarik seluar dalam SP1 sehingga terlondeh. Keterangan SP1 juga menunjukkan yang, sambil memandu, dia telah menghalang perbuatan OKT terhadapnya. Seperti yang dinyatakan di atas, walau dalam keadaan biasa pun, seluar dan seluar dalam SP1 tidak mungkin boleh dilondehkan, apatah lagi dalam keadaan di mana SP1 telah bergelut dengan OKT dalam cubaannya (SP1) untuk menghalang OKT daripada melakukan perbuatannya. Ini, mahkamah telah memutuskan, adalah satu perkara yang mustahil berlaku. Keputusan ini boleh dibuat, dan telah saya membuatnya, **berlandaskan fakta** itu semata-mata. Dalam kata lain, daripada fakta itu sendiri saya boleh mencapai hanya satu kesimpulan – iaitu jika SP1 tidak mengizinkan dan memberi kerjasama kepada OKT untuk membuka zip seluarnya dan menarik turun seluarnya, serta melondehkan seluar dalamnya, mustahil perkara itu boleh dilakukan. Justeru, di peringkat kes *prima facie* pendakwaan, saya telah membuat kesimpulan itu, sebagai satu daripada sebab kenapa OKT telah tidak dipanggil untuk membela dirinya terhadap pertuduhan-pertuduhan utama (i) dan (ii) di bawah s. 354 KK. Keputusan ini telah dinyatakan dalam Alasan Penghakiman saya, apabila saya membincangkan kes *prima facie*. Secara ringkasnya saya telah menyebut (di ms 35 Alasan Penghakiman):

> Mahkamah mengambil kira beberapa faktor penting di dalam memutuskan bahawa tidak mungkin kejadian-kejadian pada 30.12.1997 boleh berlaku tanpa kerelaan SP1 sendiri. Ini boleh diringkaskan seperti berikut:
>
> 1. Zip seluar SP1 tidak boleh dibuka jika SP1 melawan.
>
> 2. Seluar dan seluar dalam SP1 tidak boleh dilondehkan tanpa kerjasama SP1 dan kerelaannya.

Dalam membuat keputusan tersebut, saya telah **tidak** merujuk kepada eksperimen yang telah saya lakukan itu. Eksperimen tersebut telah saya lakukan hanya untuk memuaskan diri saya (merely to satisfy myself on a proven fact) samada apa yang dikatakan oleh SP1 itu boleh dilakukan **tanpa** kerelaannya. Sebenarnya, keputusan ke atas isu ini telah dicapai tanpa dipengaruhi oleh eksperimen tersebut. Dalam kata lain, keputusan saya tidak bergantung kepada, dan tidak didorong oleh, eksperimen yang telah saya lakukan ke atas diri saya. Saya sedar bahawa eksperimen itu adalah satu perihal ekstrinsik yang tidak muncul daripada keterangan dan tidak boleh dijadikan asas bagi mahkamah membuat keputusan. Undang-undang yang mapan tidak membenarkan mahkamah mengambilkira dan mempertimbangkan unsur luar yang tidak muncul daripada keterangan dalam membuat keputusan (melainkan faktor itu yang boleh dipertimbangkan sebagai "judicial notice" di bawah s. 56 dan s. 57 Akta Keterangan 1950). Eksperimen itu, saya ulangi, hanyalah satu faktor yang digunakan untuk penilaian saya terhadap keterangan SP1, yang mana keterangan itu, secara tersendiri, telah tidak diterima oleh mahkamah sebagai benar. Oleh itu, saya telah memutuskan bahawa keterangan SP1 sendiri atas kejadian ini amat tidak menyakinkan dan kejadian itu mustahil boleh berlaku dalam keadaan yang dikatakan oleh SP1. Dan, oleh kerana keputusan ini telah dibuat berlandaskan keterangan SP1 sendiri, saya telah tidak merujuk kepada eksperimen yang dilakukan, didalam alasan penghakiman saya. Ingin juga saya menjelaskan bahawa mahkamah telah menolak cerita SP1 yang kejadian dalam kereta itu telah berlaku tanpa keizinannya, bukan hanya berlandaskan sebab ini (kemustahilannya) sahaja. Sebab-sebab yang lain telah dinyatakan di halaman 35 alasan penghakiman dan tidak lagi perlu diulangi. Sebab-sebab lain yang dinyatakan di halaman 35 itu juga kesimpulan yang telah dibuat mengikut fakta kes.

Isu keizinan pula amat genting bagi memutuskan sesuatu pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 354 KK. Perkara ini telah disentuh di dalam alasan penghakiman saya. Jika di peringkat penutup kes pendakwaan mahkamah mendapati bahawa SP1 telah merelakan perbuatan OKT terhadapnya, maka kesalahan kekerasan jenayah yang dimaksudkan di bawah s. 354 KK nyata tidak akan terbukti (sila lihat takrif kekerasan jenayah di bawah s. 350 KK) dan kes *prima facie* terhadap OKT tidak juga terbukti, seperti yang telah saya memutuskan, dan kini diulangi demi kelengkapan penghakiman tambahan ini.